

LAPORAN TAHUNAN JPNJ 2023


ATANGANI SURAT KERJAS
ER OF COLLABORATION (LO
antara
JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR
dengan
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
HOTEL & RESORT
Majlis ANUGERA
OMATAN CEMERLAN
&
PRESIASI PESARA 2022
BATAN PERHUTANAN NEGER

ISI KANDUNGAN

04-09 PERUTUSAN PENGARAH

10-12 PERSPEKTIF JABATAN

13-43 PENGURUSAN PENTADBIRAN

44-48 MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) 2023

49-59 IMBASAN SEPANJANG 2023

60-63 PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN

64-79 ARTIKEL 2023

80-85 PROFIL PERHUTANAN

86-162 PERISTIWA PENTING 2023

163-179 LAMPIRAN

180 SIDANG RIDAKSI

181 PETA LOKASI

جابتن ڤرهوتنن نکري جوهر
JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM



PERUTUSAN PENGARAH

جابتن فرهوتنن نكري جوهر
JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

PERUTUSAN
PENGARAH

YBHG. DATO' HAJI SALIM BIN AMAN
Pengarah Perhutanan Negeri Johor



Bismillahirarrahmanirrahim,
Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah, pertamanya marilah kita bersama-sama merafaqkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan rahmat-Nya, tahun 2023 telah melabuhkan tirainya dan meninggalkan sejumlah kenangan serta pencapaian bagi sektor perhutanan di Negeri Johor. Dengan ketibaan tahun 2024 ini, maka bermulalah lembaran baru dalam kehidupan kita.

Saya mewakili Pengurusan Tertinggi Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua warga JPNJ atas sumbangan, bantuan, kerjasama dan komitmen tinggi setiap anggota JPNJ sepanjang tahun 2023. Semoga tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang bakal memberikan peluang untuk kita lebih berjaya dan cemerlang.

PERUTUSAN
PENGARAH

PENCAPAIAN TAHUN 2023

Sepanjang tahun 2023, JPNJ telah berhasil mencapai pelbagai kejayaan dan pengiktifaran melalui pelbagai aktiviti dan program yang dilaksanakan. Bagi meneruskan langkah ke hadapan, suka untuk saya mengimbau kembali prestasi JPNJ di sepanjang tahun 2023, antaranya ialah:

i. Program Penananam Pokok Awal Tahun Baru 1Januari 2023 di Rizab Sungai Rimba Terjun,Pontian bertemakan ”Hijaukan Bumi: Azam Bersama”.

ii. Program Johor Expedition Dayhike 2.0 dan Forestry Hiking Day pada 18 Mac 2023 sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2023.

iii. Program Penanaman 10,000 pokok Eucalyptus anjuran bersama Aramijaya Agri & Agro Sdn. Bhd. di kawasan Projek Ladang Hutan Ulu Sedili pada 21 Mac 2023 sempena sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2023 Negeri Johor.

iv. Seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan, Hutan Simpan Panti pada 9 hingga 11 Mei 2023 bertempat di KSL Hotel & Resort, Johor Bahru.

v. Program Johor Merdeka Hike 2023 (JMH 2023) pada 31 Ogos 2023 Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan yang melibatkan 5 trek pendakian iaitu Gunong Arong, Gunung Belumut, Gunung Panti dan Gunung Pulai.

vi. Program Larian Denai Hutan ”Ultimate Trails of The South (UTOS 2023)” pada 9 September 2023 di Suaka Burung Panti, Kota Tinggi.

vii. Penyertaan JPNJ dalam pameran sempena ”Travel Malaysia Fair 2023” di Marina Square, Singapura pada 6 hingga 8 Oktober 2023 melalui kerjasama JETCO.

viii. Penganjuran Showcase Central Forest Spine (CFS) dan Bengkel Training of Trainers (ToT) bagi Pengukuhan dan Promosi Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS 2.0 Peringkat Negeri Johor pada 16 hingga 18 Oktober 2023 di Opero Hotel Southkey, Johor Baharu.

ix. Penganjuran Arong Man Challange V2 2023 (AMC 2023) pada 28 Oktober 2023 bertempat di Taman Eko Rimba Telok Arong, Mersing.

x. Operasi Penguatkuasaan Bersepadu Berasaskan Sistem Smart Patrol pada 29 Oktober hingga 1 November 2023.

xi. Penganjuran Southern Peninsular Panti Bird Race pada 3 hingga 5 November 2023 bertempat di Kompleks Suaka Burung Panti, Kota Tinggi.

Di samping kejayaan penganjuran program aktiviti, JPNJ juga turut menerima pengiktirafan dan kejayaan di atas usaha dan progaram yang dilaksanakan, antaranya ialah:

i. Penglibatan JPNJ di dalam Program Kembara Mahkota Johor 2023 pada 5 hingga 7 Ogos 2023.

ii. Pengekalan Sijil Pengurusan Hutan Secara Berkekalan di bawah standard MC&I SFM tanpa dikenakan sebarang Ketidakakuran (NCR) atau “0 CAR” dan hanya 5 Pemerhatian (OFI).

iii. Pengekalan Sijil MS ISO berdasarkan kepada standard Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 dalam skop Pengurusan Pengeluaran Kayu Bulat Secara Berkekalan Bagi Hutan Darat Asli Di HSK.

iv. Taman Eko Rimba Sg Bantang dianugerahkan Anugerah Destinasi Pelancongan Lestari pada Majestic Johor Tourism Award 2023 pada 27 Ogos 2023.

v. Program Penanaman 181,000 Pokok Sehari pada 21 Oktober 2023 bersempena Hari Alam Sekitar Negara 2023 telah berjaya menanam sebanyak 184,690 pokok dan mendapat pengiktirafan The Malaysia Book of Records (MBOR) sebagai ”The Largest Simultaneous Tree Planting”.

vi. Penarafan JPNJ sebagai agensi yang “Berisiko Rendah” bagi Penarafan Risiko Organisasi ke atas Agensi Awam Tahun 2023 berdasarkan data-data SPRM bagi tempoh penilaian dari tahun 2020 hingga 2022.

vii. Pencapaian yang telah diperolehi JPNJ sepanjang tahun 2023 adalah hasil kerjasama dan komitmen yang tinggi semua warga JPNJ. Rasa bangga di atas pencapaian namun, adalah menjadi satu keperluan untuk pencapaian ini diteruskan dan diuji secara kolaboratif bersama-sama dengan pihak-pihak berkepentingan.

PERANCANGAN STRATEGIK BAGI TAHUN 2024

Cabaran JPNJ pada masa kini adalah jauh lebih kompleks dan rumit. Pengurusan sumber hutan dijadikan keutamaan dengan memberi penekanan kepada keseragaman perundangan, garis panduan, amalan serta memperkukuh dan menambah baik pengetahuan dan teknologi sedia ada. Cabaran getir kepada JPNJ adalah untuk mengekal dan mengurus kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) sejajar dengan komitmen Negara dalam mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah Negara sebagai hutan dan litupan pokok bagi mengekalkan kehijauan bumi dan kestabilan alam sekitar.

Sebagai pengukur kepada tekad dan iltizam JPNJ pada tahun 2024 ini, JPNJ meletakkan keyakinan tinggi untuk merancakkan perlaksanaan pencapaian Key Performance Indicator (KPI) di samping meneruskan pengekalan penarafan oleh Kerajaan.

Sehubungan itu, JPNJ telah menetapkan beberapa KPI yang perlu dicapai pada tahun 2024 yang telah digariskan di bawah tujuh (7) bidang fokus utama iaitu:

01 **Pengurusan Hutan Secara Berkekalan;**

02 **Meningkatkan Luas Kawasan Berhutan dan Litupan Pokok;**

03 **Pemeliharaan dan Pemuliharaan Kepelbagaian Biologi Hutan;**

04 **Pemerkasaan Eko-pelancongan;**

05 **Perundangan dan Penguatkuasaan;**

06 **Perkhidmatan dan Modal Insan; dan**

07 **Pentadbiran Pejabat dan Kewangan.**

Bidang Fokus 1:
Pengurusan Hutan Secara Berkekalan, akan beri tumpuan kepada 4 KPI utama, iaitu:

KPI 1 Mengekalkan Sijil Pengurusan Hutan Secara Berkekalan di bawah Pensijilan MC&I SFM dengan matlamat ”0 CAR”;

KPI 2 Mengekalkan Sijil MS ISO 9001:2015;

KPI 3 Meningkatkan luas kawasan HSK dengan matlamat untuk mewartakan kawasan seluas 50,000 hektar; dan

KPI 4 Mengemaskini maklumat HSK bersama Pejabat Tanah dan Galian Johor (PTG) dan Pejabat Tanah dan Daerah (PTD).

Bidang Fokus 2:
Meningkatkan Luas Kawasan Berhutan Dan Litupan Pokok, akan beri tumpuan kepada 4 KPI utama, iaitu:

KPI 1 Memperkasakan lagi Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dengan matlamat menanam 1 Juta pokok;

KPI 2 Meneruskan pelaksanaan aktiviti pemulihan kawasan hutan terosot di bawah Program 3RSM (Restorasi; Tebusguna dan Rehablitasi) dan di bawah Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies yang Bersesuaian di Pesisiran Pantai Negara.

KPI 3 Melaksanakan kerja-kerja rawatan ke atas anak-anak pokok yang telah ditanam sepanjang tahun 2023; dan

KPI 4 Meningkatkan pengeluaran bahan tanaman iaitu anak pokok yang berkualiti dengan sasaran sekurang-kurangnya 200,000 anak pokok.

Bidang Fokus 3:
Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Kepelbagaian Biologi Hutan, akan beri tumpuan kepada 4 KPI utama, iaitu:

KPI 1 Mewartakan Hutan Simpan Panti sebagai kawasan Hutan Perlindungan dan diberikan pemahsyuran sebagai ”Sultan Ibrahim Panti Bird Sanctuary”;

KPI 2 Pembukaan Galeri Burung Panti dan memperkasakan program dan aktiviti bagi menarik pelancong dalam dan luar negara;

KPI 3 Menganjurkan Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan di Hutan Simpan Gunung Arong; dan

KPI 4 Menganjurkan program Johor Panti Bird Race 2024 (24 April 2024).

PERUTUSAN
PENGARAH

Bidang Fokus 4:
Ekopelancongan, akan beri tumpuan kepada 5 KPI utama, iaitu:

KPI 1 Memperkasakan kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan dengan memberi tumpuan kepada TER Gunung Belumut, TER Sungai Bantang dan TER Gunung Pulai;

KPI 2 Meneruskan kerja-kerja menaiktaraf trek-trek pendakian dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal;

KPI 3 Memperkasakan kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan di Hutan Taman Negeri Ayer Hitam Utara dengan pembinaan Dataran Nepenthes dan Stargazing;

KPI 4 Penganjuran bersama larian denai bagi mempromosikan trek pendakian dalam HSK dengan matlamat sekurang-kurangnya 5 iaitu Larian Denai UTOS (Hutan Simpan Panti), Arongman Challange (Hutan Simpan Gunong Arong), QJM Ultra 2024 (Hutan Simpan Gunung Pulai); Johor Merdeka Hike dan Trans Mount Lambak Trails 2024 (Hutan Simpan Rengam); dan

KPI 5 Menjalankan kerja-kerja pembaikan dan penyelanggaraan secara berkala di setiap Taman Eko Rimba bagi memastikan sentiasa berada di dalam keadaan selamat, bersih dan selesa dikunjungi oleh penganjung.

Bidang Fokus 5:
Perundangan Dan Penguatkuasaan, akan beri tumpuan kepada 5 KPI utama, iaitu:

KPI 1 Memperkemaskan operasi pemantauan dan penguatkuasaan melaui penggunaan Sistem SMART Patrol mulai 1 Jan 2024 namun, pelaksanaan sepenuhnya mulai 1 April 2024;

KPI 2 Membuat pindaan Enakmen Industri Berasas Kayu (EIBK) dan juga Kaedah-kaedah IBK termasuk mengkaji semula kadar-kadar fi atau bayaran berkaitan pelesenan;

KPI 3 Menyemak semula Kaedah-kaedah Hutan 1987 termasuk mengkaji semula kadar-kadar fi atau bayaran yang terkandung di dalam Kaedah;

KPI 4 Mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas aktiviti penerokaan haram di dalam HSK terutamanya oleh Orang Asli;

KPI 5 Memperkemaskan lagi pengurusan kertas-kertas siasatan bagi kes-kes kesalahan hutan dengan matlamat penyelesaian 100% kertas siasatan tertunggak;

Bidang Fokus 6: Perkhidmatan dan Modal Insan, akan beri tumpuan kepada 5 KPI utama, iaitu

KPI 1 Pelaksanaan kursus dan latihan dengan matlamat sekurang-kurangnya 85% daripada Pelan Operasi Latihan Tahunan;

KPI 2 Pengukuhan kemahiran anggota dalam bidang pengecaman pokok dengan matlamat semua pegawai dari jawatan Pengawas Hutan, Penolong Pemelihara Hutan dan Pemelihara Hutan hadir dengan jayanya Kursus Teras Dendrologi;

KPI 3 Memperkemas Pengurusan tatatertib bagi kes pelanggaran terutamanya kes tidak hadir bertugas tanpa cuti atau kebenaran awal dari penyelia atau pegawai atasan;

KPI 4 Memperkemaskan urusan perkhidmatan melibatkan pengesahan jawatan dan pesaraan pegawai dan kakitangan serta mengemaskini Buku Rekod Perkhidmatan.

KPI 5 Melaksanakan program naziran oleh Seksyen Pentadbiran dan Kewangan Pejabat Perhutanan Negeri ke Pejabat Hutan Daerah dengan matlamat sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun di samping mengadakan Hari Bertemu Pelanggan bagi semakan rekod perkhidmatan.

Bidang Fokus 7: Pentadbiran Pejabat dan Kewangan, akan beri tumpuan kepada 4 KPI utama, iaitu:

KPI 1 Memantau pentadbiran dan pengurusan JPNJ melalui Mesyuarat Pengurusan JPNJ dengan matlamat sekurang-kurangnya 4 kali setahun;

KPI 2 Prestasi perbelanjaan belanja mengurus (B19), pembangunan negeri (P71), Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) dan waran peruntukan kecil (WPK) yang diterima dari JPSM melebihi 95% serta dipantau melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA);

KPI 3 Memastikan aset dan stor JPNJ diurus dengan mematuhi prosedur dan garispanduan yang ditetapkan serta di pantau melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK); dan

KPI 4 Menjalankan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan Pejabat Renj Hutan dan Kuarters JPNJ secara berkala bagi memastikan sentiasa berada di dalam keadaan selamat dan selesa tertakluk kepada peruntukan kewangan yang diterima.

Semua KPI yang telah dinyatakan tersebut, secara tak langsung akan menjadi Sasaran Kerja Tahunan (SKT) warga JPNJ di bawah pentadbiran dan penyeliaan masing-masing, dan pencapaiannya akan menjadi ukuran sewaktu penialain Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) pada setiap hujung tahun.

Menyeru kepada semua warga JPNJ Perhutanan Negeri Johor, agar sama-sama berusaha bagi memastikan segala KPI yang ditetapkan di dalam SKT dapat dicapai sepenuhnya.
HARAPAN

Dalam memastikan penyampaian perkhidmatan sentiasa mencapai kehendak masyarakat dan pemegang taruh, adalah penting untuk seluruh warga JPNJ sentiasa mempunyai 'urgency' dan 'responsive' dalam setiap tugasan. Saya berharap momentum kesegeraan ini diteruskan dan diperhebatkan lagi oleh setiap lapisan warga Jabatan.

Walau bagaimanapun, dalam memenuhi kehendak 'urgency' dan 'responsive' dalam melaksanakan tugas, kita tidak seharusnya membelakangkan "Integriti". Banyak yang diperkatakan mengenai isu kebertanggungjawaban dan integriti, terutamanya dalam kalangan penjawat awam.

Isu penyalahgunaan kuasa, pembaziran, pecah amanah, rasuah dan penyelewangan serta ketirisan dana awam, walaupun dilaksanakan oleh segelintir penjawat awam namun, tempiasnya tetap terkena keseluruhan sektor Kerajaan.

Kepentingan meletakkan budaya integriti di tahap tertinggi bukan sesuatu yang baru. Ia menjadi keutamaan dalam hidup kita sepanjang masa. Justeru, Kerajaan Negeri Johor telah melancarkan kempen "Integrity First" bgi memupuk amalan nilai integriti dalam apa jua perkara yang dilakukan.

Sehubungan itu, marilah sama-sama kita menghayati hasrat Kerajaan Negeri Johor melancarkan kempen "Integrity First" bagi memastikan segala amanah dilaksanakan dengan sebaiknya supaya tahap kepercayaan rakyat terhadap penjawat awam tidak terjejas sehingga boleh mengganggu kestabilan, keselamatan dan keharmonian negara.

Adalah menjadi harapan dan hasrat agar JPNJ akan terus meningkatkan kecemerlangan dalam apa jua program dan aktiviti yang dilaksanakan bagi memastikan JPNJ terus relevan, cemerlang dan menjadi pemacu perubahan dalam perkhidmatan awam dan pembangunan negeri dan negara.

Kepada warga JPNJ yang dikasihi sekalian, saya memohon dan merayu, sama-samalah kita berganding bahu dan mengembleng tenaga dengan semangat kebersamaan atau spirit of togetherness untuk mencorakkan masa depan JPNJ yang lebih gemilang.

Hutan adalah anugerah Allah SWT, suatu amanah yang perlu kita jaga dan urus dengan sebaik yang mungkin. Semoga Allah memberkati atas segala usaha kita dengan limpah rahmat dan kasih sayang Nya, Insya-Allah.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamuaalaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

DATO' HAJI SALIM BIN AMAN
Pengarah Perhutanan Negeri,
Johor



PERSPEKTIF JABATAN

جابتن فرهوتنن نكري جوهر
JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

PERSPEKTIF JABATAN

Hutan hujan tropika di Malaysia adalah salah satu daripada hutan yang tertua di dunia. Di samping menjadi komponen penting dalam sistem biofizikal negara, hutan membekalkan bahan mentah daripada kayu dan memainkan peranan dalam aspek perlindungan dan kestabilan alam sekitar bagi menjamin sumber air bersih, mencegah hakisan tanah dan nutrien serta memelihara kepelbagaian hayat. Justeru itu, sumber hutan yang masih wujud perlu dirancang, diurus, dipelihara dan dibangunkan secara mapan, sistematik dan berkesan supaya segala hasil dan perkhidmatannya dapat dinikmati secara berterusan.

Perkembangan pesat arus pembangunan negara telah menarik perhatian pelbagai pihak terhadap kepentingan pemeliharaan hutan. Kesedaran masyarakat terhadap kepentingan hutan dan kaitannya dengan pemeliharaan alam sekitar juga turut meningkat. Perkara ini menimbulkan minat pihak-pihak tertentu untuk terlibat dalam memelihara dan mengekalkan sumber-sumber hutan. Justeru itu, Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah dipertanggungjawabkan untuk mentadbir dan menguruskan sumber hutan supaya terus terpelihara dan berkekalan.

FUNGSI JABATAN

Jabatan Perhutanan Negeri Johor diberi tanggungjawab untuk:

01 **Menasihat pihak berkuasa Kerajaan negeri Johor dalam pentadbiran sumber hutan bagi menghasilkan pendapatan yang optimum;**

02 **bertindak sebagai agensi pelaksana dasar-dasar dan penguatkuasaan undang-undang perhutanan;**

03 **menguruskan sumber hutan berdasarkan konsep pengurusan hutan secara berkekalan (PHSB);**

04 **menasihat Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri Johor dalam pelaksanaan dasar-dasar berkaitan eko-pelancongan dan pengurusan Hutan Lipur / Taman Eko-rimba dan Hutan Taman Negeri; dan**

05 **mengurus ladang hutan bagi meningkatkan sumber bekalan kayu dan bekalan bukan kayu.**

VISI JABATAN

Menjadi sebuah agensi terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara berkekalan.

MISI JABATAN

Untuk mengurus dan membangunkan sumber hutan secara berkekalan serta mengoptimumkan sumbangannya kepada pembangunan sosioekonomi negara.

OBJEKTIF JABATAN

- Untuk menguruskan sumber hutan negara secara berkekalan bagi pengeluaran berterusan hasil dan perkhidmatan hutan serta penggunaannya secara optimum bersesuaian dengan keperluan alam sekitar;
- Untuk meningkatkan bekalan pengeluaran hasil dan perkhidmatan hutan melalui aktiviti-aktiviti perhutanan bersesuaian yang akan meningkatkan kualiti, produktiviti serta penggunaan sumber hutan;
- Untuk terus membangunkan teknologi mantap yang bersesuaian dengan keperluan alam sekitar bagi pemeliharaan, pengurusan dan penggunaan sumber hutan;
- Untuk memelihara dan melindungi kepelbagaian biologi hutan, air dan tanah, serta penggunaannya secara berkekalan;
- Untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan kilang-kilang pemprosesan berasaskan keluaran hutan serta menambahkan aktiviti-aktiviti hiliran dengan nilai tambah yang tinggi;
- Untuk memperkukuhkan pembangunan sumber manusia bagi menyokong sector perhutanan;
- Untuk meningkatkan kesedaran awam berhubung peranan hutan terhadap alam sekita dan pemeliharaan melalui pembelajaran serta penyebaran maklumat; dan
- Untuk meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada pendapatan negara, pertukaran wang asing dan peluang-peluang pekerjaan.

PIAGAM PELANGGAN

1 Lesen untuk mengeluarkan hasil hutan akan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh kelulusan diberi, setelah semua syarat kelulusan dipatuhi

2 Lesen untuk menjalankan kilang berasaskan kayu akan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh siap kilang dibina setelah memenuhi semua syarat kelulusan.

3 Keputusan mengenai permohonan melanjutkan tempoh lesen mengeluarkan hasil hutan atau lesen menjalankan kilang berasaskan kayu akan diberi dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh permohonan diterima.

4 Semua aduan kesalahan hutan akan diambil tindakan dalam masa tidak melebihi tiga (3) hari.



PENGURUSAN **PENTADBIRAN**

جابتن ڤرهوتنن نݢري جوهر
JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

PENGENALAN

Organisasi Jabatan Perhutanan telah bermula dengan penubuhan sebuah Jabatan Hutan kecil di Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang, Melaka dan Singapura) di bawah pentadbiran Pejabat Tanah pada awal tahun 1880-an. Organisasi ini kemudiannya berkembang dengan penubuhan Jabatan-jabatan Hutan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Pahang, Negeri Sembilan, Perak dan Selangor) dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (Kedah, Johor, Kelantan, Terengganu dan Perlis).

Rekod perhutanan yang terawal di Semenanjung Tanah Melayu adalah sebuah laporan bertarikh 21 Jun 1879 yang disediakan oleh Major McNair, Jurutera Kolonial dan Ketua Jurukur Negeri-negeri Selat. Laporan tersebut mengandungi keterangan mengenai pokok-pokok kayu terkemuka di Semenanjung Tanah Melayu dan cadangan pembentukan Jabatan Hutan di bawah pentadbiran Pejabat Tanah ekoran masalah penerokaan hutan yang tidak terkawal.

Pada tahun 1883, cadangan organisasi Jabatan Perhutanan yang teratur telah dikemukakan oleh N. Cantley, Penguasa Taman Botani Singapura melalui sebuah laporan mengenai pengurusan hutan di Negeri-negeri Selat. Sehingga tahun 1895, pentadbiran hutan Negeri-negeri Selat diletakkan di bawah kendalian Taman Botani Singapura.

Pada tahun 1896, H.N. Ridley mengemukakan laporan mengenai kawasan hutan di Negeri Selangor dan mencadangkan supaya organisasi Jabatan Perhutanan yang teratur ditubuhkan untuk empat (4) buah Negeri Melayu Bersekutu dengan diketuai oleh seorang pegawai British dari India. Cadangan tidak berjaya dilaksanakan.

Pada tahun 1900, H.C. Hill mengemukakan laporan bertajuk *Report on the present system of administration in the Federated Malay States*. Laporan tersebut mencadangkan keperluan penyediaan sistem pengurusan hutan dan hasilnya jawatan Ketua Pegawai Hutan (kemudian dikenali sebagai Pemelihara Hutan) bagi Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu bagi menasihati Kerajaan Negeri dalam perkara-perkara teknikal berkaitan perhutanan dan urusan pengambilan tanah. Walau bagaimanapun, jawatan tersebut tidak mempunyai bidang kuasa di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Pada 16 Oktober 1901, barulah Jabatan Hutan bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Selat ditubuhkan mengikut model pentadbiran hutan India dengan melantik A.M. Burn-Murdoch dari Burma sebagai Ketua Pegawai Hutan yang pertama. Setiap Negeri Melayu Bersekutu ditempatkan seorang Timbalan Pemelihara Hutan manakala bagi Negeri Pulau Pinang dan Melaka, ditempatkan seorang pegawai rendah.

Pada tahun 1920, seorang pegawai hutan Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah dipinjamkan ke Negeri Johor sebagai Pemelihara Hutan yang pertama. Pembentukan Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri selepas Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948 telah membuka ruang ke arah usaha pengorganisasian Jabatan Perhutanan yang lebih tersusun melibatkan pembahagian dua (2) peringkat pentadbiran iaitu Ibu Pejabat Perhutanan di peringkat persekutuan dan Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri.

Kini Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) merupakan salah sebuah daripada 12 buah Jabatan Perhutanan Negeri di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) yang bertanggungjawab kepada Kementerian Air, Tanah dan Alam Sekitar (KETSA) bagi perancangan, pengurusan, pembangunan dan perlindungan sumber hutan Negeri Johor agar selaras dengan Dasar Perhutanan Malaysia 2020 dan Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313). Jabatan ini juga bertanggungjawab dalam menyelaras perancangan dan pembangunan industri berasas kayu.

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

CARTA ORGANISASI



Organisasi Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu Bahagian Pembangunan dan Bahagian Operasi diketuai oleh dua (2) orang Timbalan Pengarah Perhutanan iaitu Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan) gred G52 dan Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi) gred G48.

Selain itu, terdapat empat (4) daerah hutan yang diketuai oleh Pegawai Hutan Daerah gred G41 bagi memastikan pentadbiran hutan yang lebih cekap dan berkesan. Pada akhir tahun 2023, bilangan warga kerja JPNJ adalah seramai 316 orang. Carta organisasi di atas menunjukkan carta organisasi JPNJ pada tahun 2023.

PENGURUSAN TERTINGGI

Pegawai pengurusan tertinggi terdiri daripada seorang Pengarah Perhutanan Negeri dan dua (2) orang Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri. Pihak pengurusan tertinggi bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dasar, strategi dan objektif jabatan serta menyelaras kerja-kerja pentadbiran, pengurusan, pembangunan, penguatkuasaan, pemeliharaan dan pemuliharaan sumber hutan selaras dengan keperluan Negeri Johor. Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan) mengetuai Bahagian Pembangunan manakala Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi) mengetuai Bahagian Operasi.

ENCIK ABD. RAMLIZAUYAHUDDIN BIN MAHLI
TIMBALAN PENGARAH PERHUTANAN (PEMBANGUNAN) G52

DATO' HAJI SALIM BIN AMAN
PENGARAH PERHUTANAN NEGERI JOHOR G54

TUAN HAJI ZULFAKAR BIN ALI
TIMBALAN PENGARAH PERHUTANAN (OPERASI) G48



BAHAGIAN PEMBANGUNAN HUTAN

Bahagian ini bertanggungjawab terhadap perancangan dan pelaksanaan projek-projek pengurusan sumber hutan, pembangunan sumber hutan, pemeliharaan sumber hutan, pengurusan tapak semaian, ekopelancogan, perladangan hutan serta pengembangan perhutanan.



1. ENCIK ABD. RAMLIZAUYAHUDDIN BIN MAHLI
TIMBALAN PENGARAH (PEMBANGUNAN) G52

2. PUAN NORLIZA BINTI MD
PEMELIHARA HUTAN G44
(SEKSYEN SILVIKULTUR DAN PERLINDUNGAN)

3. CIK NURUL HIDAYAH BINTI HADZUHA
PEMELIHARA HUTAN G44
(SEKSYEN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN)

4. PUAN ASFAEZZAH BINTI AB KARIM
PEMELIHARA HUTAN G41
(SEKSYEN HUTAN LIPUR DAN HUTAN TAMAN NEGERI)

BAHAGIAN PEMBANGUNAN HUTAN

SEKSYEN SILVIKULTUR DAN PERLINDUNGAN

Bertanggungjawab dalam melaksana dan menyelaras program pembangunan hutan:

1. Melaksanakan dan memantau projek/ aktiviti Inventori hutan selepas tebangan (Post-F) yang melibatkan kawasan selepas pengusahasilan di Hutan Simpanan Kekal;
2. Melaksanakan dan memantau projek/ aktiviti rawatan pemulihan hutan termasuk tanaman mengaya dan memotong akar pepanjat;
3. Melaksanakan dan memantau pelaksanaan projek Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan kawasan terosot;
4. Melaksana dan memantau aktiviti-aktiviti perolehan dan penyediaan bahan tanaman pokok hutan di tapak semaian dan petak fenologi;
5. Mengurus dan memantau Kawasan Pemeliharaan Hutan Bernilai Tinggi (High Conservation Value Area);
6. Memantau pelaksanaan projek ladang hutan di dalam Hutan Simpanan Kekal bagi memastikan projek mencapai objektif penubuhan ladang hutan;
7. Melaksana dan memantau aktiviti pencegahan kebakaran hutan, serangan penyakit tumbuhan dan serangga perosak;
8. Memantau pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Jabatan (MS ISO 9001:2015) bagi mencapai tahap yang dikehendaki;
9. Mengurus dan merancang pembangunan kawasan-kawasan konservasi melibatkan flora dan fauna; dan
10. Bertanggungjawab dalam permohonan, pemantauan dan penyediaan bagi pelaksanaan Peruntukan Pembangunan Negeri (P71) dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH).



Barisan hadapan dari kiri: Norfarah Binti Ithnin (Pembantu Awam, H11), Norhafizan Bin Hussien (Pembantu Awam, H11), Nabilah Shahirah Binti Azisyan (Pengawas Hutan, G19), Syaza Syahirah Binti Nordin (Penolong Pemelihara Hutan, G29), Norliza Binti Md (Penolong Pengarah, G44), Hazlan Bin Alias (Penolong Pemelihara Hutan, G32), Nurul Nazera Binti Adnan (Pengawas Hutan, G22), Ummi Kalthom Bte Sulaiman (Pengawas Hutan, G19)

Barisan belakang dari kiri: Musa Bin Amir (Pengawas Hutan, G19), Azmi Bin Sani (Pengawas Hutan, G22), Shariffudin Bin Shahadad (Pengawas Hutan, G19), Rimi Bin Muhamad (Pemandu Kenderaan, H11), Ramlee Bin Mislan@Miswan (Pembantu Awam, H11), Mohamed Lizam Bin Awang (Pengawas Hutan, G19), Yusof Bin Yacob (Pengawas Hutan, G19) , Mohd Yatim Bin Awang (Pengawas Hutan, G19), Mohammad Syahir Bin Mohd Farid (Pengawas Hutan, G19), Hafizal Bin Ishak (Pembantu Awam, H11)

Tiada dalam gambar: Mohamed Soffee Bin Mohamad (Penolong Pemelihara Hutan, G32), Nazirah Binti Abdul Aziz (Penolong Pemelihara Hutan, G29), Nasarudin Bin Jais (Penolong Pemelihara Hutan, G29), Shahitdullah Bin Hamdzah (Pengawas Hutan, G26)

BAHAGIAN PEMBANGUNAN HUTAN

SEKSYEN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN

Bertanggungjawab dalam mengurus Hutan Simpanan Kekal (HSK) :

1. Secara sistematik dengan merekod pewartaan masuk, pemansuhan HSK dan Maklumat Sumber Hutan;
2. Merancang dan melaksanakan program serta aktiviti pengurusan sumber hutan seperti mencuci dan menanda sempadan luar HSK dan inventori hutan sebelum tebangan (Pre-F) dengan matlamat Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB);
3. Merancang dan melaksanakan program serta aktiviti pembangunan asli untuk tujuan pembelajaran dan penyelidikan;
4. Menyedia dan mengemaskini maklumat sumber hutan
5. Menyedia dan memantau perlaksanaan rancangan-rancangan pengurusan dan pembangunan sumber hutan;
6. Merancang dan menguruskan aktiviti penandaan serta penyelenggaraan sempadan luar HSK; dan
7. Memantau perlaksanaan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pensijilan pengurusan hutan.



Barisan hadapan dari kiri: Mohd Rizal Hamdan (Pengawas Hutan, G22), Monshi Abdullah Bin Ismail (Pemandu Kenderaan, H11), Nurul Izati Binti Wagimin (Penolong Pemelihara Hutan, G29), Nurul Hidayah Binti Hadzuha (Penolong Pengarah, G44), Norfazilawati Binti Jauhari (Penolong Pemelihara Hutan, G29), Muhammad Anwar Bin Mohd Ali (Pelukis Pelan, JA29), Mohd Syahmil Bin Sukawai (Penolong Pemelihara Hutan, G29), Mohd Azlin Bin Jamil (Pengawas Hutan, G22)

Barisan belakang dari kiri: Haravind A/L Santhirasegaran (Pengawas Hutan, G19), Mohd Saiful Bin Zainal (Pengawas Hutan, G19), Muhammad Azhari Bin Mustaffa (Pengawas Hutan, G19), Hadaha Bin Md Din (Pengawas Hutan, G19), Muhammad Azwan Bin Abd Razak (Pengawas Hutan, G19)

BAHAGIAN PEMBANGUNAN HUTAN

SEKSYEN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN

PROJEK IMPROVING CONNECTIVITY IN THE CENTRAL FOREST SPINE LANDSCAPE (IC-CFS)

Bertanggungjawab dalam:

1. Pengurusan Projek: Menguruskan pelaksanaan harian hasil dan aktiviti projek di peringkat Negeri, dan keperluan pentadbiran serta kewangan; Pengurusan dan pentadbiran operasi harian untuk pastikan pelaksanaan yang berkesan terhadap aktiviti projek dan penyampaian hasil projek;
2. Penyediaan dan pelaksanaan pelan kerja dan bajet peringkat negeri, serta pelan pengurusan;
3. Pemantauan, penilaian, dan pelaporan kemajuan terhadap hasil dan aktiviti projek; Penyediaan dan penyerahan untuk laporan suku tahunan, pertengahan tahun, dan tahunan, serta laporan akhir kepada PM/NPD;
4. Pengorganisasian dan penyelenggaraan dokumen projek yang berkaitan dengan hasil dan aktiviti projek di peringkat negeri, termasuk rekod pentadbiran dan kewangan; dan
5. Hubungan dengan PM dalam menjalankan audit/penilaian projek dan memastikan akses oleh juruaudit kepada semua dokumen projek, kakitangan, dan institusi yang terlibat dalam projek.

SHAZRUL AZWAN BIN JOHARI
PEGAWAI PROJEK COODINATOR G44



BAHAGIAN PEMBANGUNAN HUTAN

SEKSYEN HUTAN LIPUR DAN HUTAN TAMAN NEGERI

Bertanggungjawab dalam mengurus dan memantau pembangunan Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri (HTN):

1. Menyelaras penubuhan Hutan Lipur selaras dengan keperluan dan permintaan Kerajaan Negeri;
2. Merancang dan memantau pembangunan Hutan Lipur;
3. Merancang, menyelaras dan melaksana aktiviti-aktiviti rekreasi, program publisiti dan pengembangan berkaitan perhutanan dan eko-pelancongan;
4. Menyediakan risalah dan buletin eko-pelancongan untuk edaran umum;
5. Merancang dan menyediakan Pelan Induk Pembangunan Hutan Lipur dan Hutan Taman Negeri;
6. Megurus pewujudan kawasan Hutan Taman Negeri dan melaksanakan program-program pembangunan yang berkaitan; dan
7. Merancang dan memantau pembangunan trek pendakian dan trek sukan lasak.



Barisan hadapan dari kiri: : Azimahwati Bte Mohd Alwee (Pengawas Hutan, G19), Asfaezzah bt Ab Karim (Penolong Pengarah Hutan Lipur, G41), Mohd Iqbal Hisham Bin Sazali (Penolong Pemelihara Hutan, G29), Nur Fazlin Binti Ahmad (Pengawas Hutan, G22),

Barisan belakang dari kiri: Mohd Hadzri Bin Hasin (Pengawas Hutan, G22), Mohd Amin Bin Ahmad (Pengawas Hutan, G22)

BAHAGIAN OPERASI HUTAN

Bahagian ini melibatkan pelesenan pengusahasilan hutan, pelesenan industri berasas kayu dan penguatkuasaan undang-undang termasuk penyiasatan serta pendakwaan kes kesalahan hutan.



1. TUAN HAJI ZULFAKAR BIN ALI
TIMBALAN PENGARAH (OPERASI) G48

2. ENCIK MOHD KHAIRUL BIN ABDULLAH
PEMELIHARA HUTAN G44
(SEKSYEN PENDAKWAAN DAN SIASATAN)

3. ENCIK SYLVESTER USAH
PEMELIHARA HUTAN G41
(SEKSYEN RISIKAN DAN PENGUATKUASAAN)

4. PUAN NOOR AIN BINTI ABD KARIM
PEMELIHARA HUTAN G41
(SEKSYEN PERINDUSTRIAN DAN PENGUSAHASILAN)

4. ENCIK FAHMI REZA BIN MUHAMAD FUAD
PEMELIHARA HUTAN N41
(SEKSYEN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN)

BAHAGIAN OPERASI HUTAN

SEKSYEN RISIKAN DAN PENGUATKUASAAN

Bertanggungjawab dalam melaksanakan dan menyelaras tugas-tugas seperti berikut:

1. Merancang dan menyelaras program risikan dan operasi penguatkuasaan terhadap sebarang aktiviti yang dijalankan di dalam hutan simpanan kekal, tanah kerajaan dan tanah milik bagi memastikan pematuhan terhadap Akta Perhutanan Negara dan peraturan-peraturan lain yang sedia ada dan berkaitan;
2. Merancang dan menyelaras program risikan dan operasi penguatkuasaan bagi memastikan pematuhan kepada syarat-syarat lesen pengusahasilan, lesen kecil, permit penggunaan, permit jalan, pas pemindah, transit dan balai pemeriksa hutan;
3. Merancang dan menyelaras aktiviti risikan dan operasi penguatkuasaan ke atas kilang-kilang industri berasas kayu ke arah pematuhan Enakmen Industri Berasas Kayu dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan;
4. Melaksanakan dan menyelaras segala data dan maklumat aktiviti risikan dan penguatkuasaan hutan dengan bahagian dan seksyen pentadbiran di Pejabat Perhutanan Negeri, Pejabat Hutan Daerah, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia serta lain-lain Jabatan dan agensi yang berkaitan; dan
5. Merancang dan menyelaras tindakan terhadap sebarang maklumat isu-isu semasa serta aduan awam yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang melanggar peraturan dan bertentangan dengan Akta Perhutanan Negara atau peraturan-peraturan lain yang berkaitan.



Barisan dari kiri: Ebby Saifollah Bin Masbah (Pemandu Kenderaan, H11), Md Sani Bin Abd Karim (Pengawas Hutan, G19), Mohd Khair Bin M.Sharip (Pengawas Hutan, G26), Sylvester Usah (Pemelihara Hutan, G41/G44), Ahmad Iliasa Bin Mohd Salleh (Pengawas Hutan, G19), Mohd Izad Bin Wagimin (Pengawas Hutan, G19).

Tiada dalam gambar: Zamri bin Bahran (Pemandu Kenderaan, H11)

BAHAGIAN OPERASI HUTAN

SEKSYEN PENGUATKUASAAN DAN SIASATAN

Bertanggungjawab dalam melaksanakan dan menyelaras tugas-tugas seperti berikut:

1. Menjalankan penyiasatan sebagai Pegawai Penyiasat ke atas kes-kes kesalahan hutan mengikut peruntukan Akta 313, EIBK dan lain-lain perundangan yang berkaitan;
2. Menyedia, mengemaskini dan memperlengkapkan kertas siasatan bagi kes-kes kesalahan hutan sebelum dibawa kepada pendakwaan di mahkamah;
3. Merekod dan mengemukakan laporan status kemajuan bulanan penyiasatan bagi setiap kes kesalahan hutan kepada IPJPSM;
4. Memberi nasihat teknikal dan membantu pihak JPN dalam pengendalian dan pengurusan kes-kes kesalahan hutan mengikut peruntukan Akta 313, EIBK dan lain-lain perundangan yang berkaitan; dan
5. Memberi nasihat teknikal dan membantu pihak JPN dalam pengendalian dan pengurusan kertas siasatan bagi kes-kes kesalahan hutan sebelum dibawa kepada pendakwaan di mahkamah.



Barisan dari kiri: Mohd Khairul Bin Abdullah (Penolong Pengarah, G44) Mohd Fouzi Bin Abdul Hamid (Penolong Pemelihara Hutan, G36), Mohd Fizree Bin Md Kamsiran (Pembantu Awam, H11)

Tiada dalam gambar: Abdul Shukor Bin Ahmad (Penolong Pemelihara Hutan, G32)

BAHAGIAN OPERASI HUTAN

SEKSYEN INDUSTRI DAN PENGUSAHASILAN

Bertanggungjawab dalam melaksanakan dan menyelaras tugas-tugas seperti berikut:

1. Memproses permohonan baharu dan pembaharuan lesen industri berasas kayu di Negeri Johor;
2. Melaksanakan proses Permohonan Mengusahasil Hasil Hutan, Pelesenan, Perlanjutan Tempoh Kuatkuasa Lesen (Hutan Simpan, Tanah Kerajaan, Tanah Berimilik, Lesen Kecil, Permit Jalan, Permit Penggunaan dan Permit Carigali bagi memastikan permohonan mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa;
3. Melaksanakan pendaftaran dan pembaharuan tanda harta bagi memastikan kayu import yang masuk mempunyai kelulusan dan dibayar cukai perkhidmatannya;
4. Menjalankan pemantauan ke atas pelesenan industri berasas kayu tetap/sementara/ tanpa lesen di Negeri Johor memastikan ianya mengikut prosedur yang ditetapkan dan dapat memantau penggunaan sumber hutan secara terkawal; dan
5. Menjalankan pemantauan dan proses Laporan Suku Tahun Membalak dan Senarai Pemegang Lesen bagi mempastikan pentadbiran jabatan teratur.



Barisan dari kiri: Barisan dari kiri: Khaharudin Bin Mohd Nor (Pengawas Hutan, G22), Noor Ain Binti Abd Karim (Pemelihara Hutan, G41/G44), Norijah Binti Md Noor (Pengawas Hutan, G22), Nor Azizah Binti Hj. Kambari (Pembantu Tadbir, N22)

BAHAGIAN OPERASI HUTAN

SEKSYEN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Bertanggungjawab terus kepada Pengarah Perhutanan Negeri Johor dalam melaksanakan tugas-tugas berikut:

1. Merancang, memantau dan mengawalselia segala urusan pentadbiran dan perkhidmatan;
2. Menyelaras urusan penempatan, kenaikan pangkat/ pemangkuan/ khas untuk penyandang, pengesahan lantikan, pengesahan perkhidmatan, pelanjutan tempoh percubaan, pemberian taraf berpencen, pelupusan/ peletakan jawatan dan segala perubahan pekellling perkhidmatan;
3. Memantau dan menyelaras urusan tanggung kerja, permohonan cuti, pencen dan pengkalan data HRMIS;
4. Mengurus dan menyelaras urusan pengisytiharan harta & mesyuarat Pengurusan Sumber Manusia;
5. Mengurus dan menyelaras perjawatan Jabatan;
6. Menyelia dan menyelaras program kursus/ bengkel/ seminar;
7. Mengurus dan memastikan hal-hal yang berkaitan pengurusan kewangan dilaksanakan berdasarkan Arahan Perbendaharaaan, Akta Acara Kewangan dan Pekeliling-Pekeliling yang berkuatkuasa serta merta;
8. Mengurus dan meyelaras urusan penyediaan cadangan belanjawan & pindah peruntukan
9. Jabatan;
10. Mengurus dan memperakukan serta meluluskan pembayaran melalui sistem iSPEKS bagi peruntukan negeri dan sistem eSPKB bagi peruntukan persekutuan;
11. Mengurus dan meyelaras urusan pembayaran bil/ gaji/ elaun tuntutan diri, Panjar Wang Runcit, Waran Perjalanan, Pinjaman Kenderaan/ Perumahan dan Komputer; dan lain-lain tugas yang diarahkan dari masa ke semasa.

UNIT PENTADBIRAN



Barisan hadapan dari kiri: Mohd Hasmar Bin Md Tahir (Pembantu Awam, H11), Mohd Faisal Bin A. Jalil (Pemandu Kenderaan, H11), Zarin Atiqah Binti Hasim (Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), N19), Mohammad Sapri Bin Mansor (Penolong Pegawai Tadbir, N32), Arfa Azita Binti Mohd Ali (Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), N22), Ramzie Bin Abd Hamid @ Mohd Kamit (Pemandu Kenderaan, H11)

Barisan belakang dari kiri: Nurul Marinna Binti Abd Majid (Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), N19), Hidayatul Hannani Binti Halim (Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), N19), Junaidah Binti Paing (Setiausaha Pejabat, N30), Farah Hida Qistina Binti Mohd Sarofil (Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), N19), Hareisha Aries Binti Bahkiar (Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), N19)

Tiada dalam gambar: Mohd Hafizsalleh Bin Md Zailani (Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), N22), Neor Jeffery Bin Dzahar (Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), N22), Rasyiddin Bin Razman (Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), N19), Mohd Hassan Bin Jamian (Pembantu Operasi, N14), Aziz Bin Ab Rahman (Pembantu Operasi, N11), Norhasidi Bin Baseri (Pembantu Operasi, N11), Helmi Fadzli Bin Mohd Jaron (Pembantu Operasi, N14), Jamaluddin Bin Ahmad (Pembantu Operasi, N11)

BAHAGIAN OPERASI HUTAN
SEKSYEN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

UNIT KEWANGAN DAN HASIL



Barisan dari kiri: Ilyana Binti Md Isa (Pembantu Tadbir (Kewangan), W19), Nursyafidah Binti Samri (Pembantu Tadbir (Kewangan), W19), Kamisah Binti Mohamad Ali @ Lee Fook Nyen (Pembantu Tadbir Kanan (Kewangan), W22), Mishazli Bin Abdul Rahman (Penolong Akauntan, Gred W29/W32), Fahmi Reza Bin Muhamad Fuad (Pegawai Tadbir, Gred N41/N44), Mohd Hasmar Bin Md (Pembantu Awam, H11), Nurhasikin Binti Hamidon (Pembantu Tadbir (Kewangan), W19), Nursyahidah Binti Ahmad (Pembantu Tadbir (Kewangan), W19), Fatin Nur Nadia Binti Mohd Fadzli (Pembantu Tadbir (Kewangan), W19), Nordiana Binti Rafie (Pembantu Tadbir (Kewangan), W19)

BAHAGIAN OPERASI HUTAN

SEKSYEN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

UNIT MODAL INSAN



Norfazilawati Binti Jauhari
(Penolong Pemelihara Hutan, G29)

UNIT KEJURUTERAAN



Dari kiri: Ahmad Faiezal Bin Masood Pelukis Pelan (Penolong Jurutera, JA29),
Hairul Azuan Bin Mohamad (Penolong Jurutera, JA29)

PEJABAT HUTAN DAERAH

Pejabat Hutan Daerah bertanggungjawab dalam pentadbiran perhutanan di peringkat daerah dengan menjalankan tugas pemantauan kawasan-kawasan hutan, kawalan operasi pengusahasilan hutan, kawalan operasi industri berasas kayu, kutipan hasil hasil hutan, penguatkuasaan undang-undang berkaitan perhutanan, pengurusan taman eko rimba dan hutan taman negeri.

Fungsi Pejabat Hutan Daerah adalah:

1. Menyediakan Rancangan Tahunan Hutan (RTH), Rancangan Kerja Hutan (RKH) Daerah dan menyediakan bajet tahunan daerah.
2. Memproses permohonan mengambil hasil hutan, permit penggunaan, permit jalan, permit memasuki Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan permohonan lesen Industri Berasas Kayu (IBK).
3. Memantau dan mengawal aktiviti kutipan hasil hutan.
4. Mengira royalti dan ses pembangunan hutan ke atas pengeluaran hasil hutan serta mengendalikan Tukul Hasil.
5. Menyelenggara maklumat atau data perhutanan daerah.
6. Menyediakan laporan pemantauan dan laporan bulanan bagi pembaharuan lesen dan permit.
7. Menguatkuasakan undang-undang perhutanan di peringkat daerah melalui aktiviti rondaan dan pemeriksaan kawasan-kawasan berhutan di daerah.
8. Menjalankan aktiviti pengurusan hutan lipur.
9. Mengumpul laporan penyata (shuttle) pengusahasilan hutan dan Industri Berasas Kayu.
10. Menyelenggara rekod lesen dan pengeluaran hasil hutan di peringkat daerah.
11. Merancang pembinaan jalan hutan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK).

1. ENCIK RAZIS BIN OSMAN
PEGAWAI HUTAN DAERAH
JOHOR TENGAH

2. ENCIK MOHD SAMAN BIN MOHD SANGET
PEGAWAI HUTAN DAERAH
JOHOR TIMUR

3. ENCIK AHMAD MEISERY BIN ABD HAKIM AMIR
PEGAWAI HUTAN DAERAH
JOHOR SELATAN

4. ENCIK HARIDYN BIN HANTI
PEGAWAI HUTAN DAERAH
JOHOR UTARA



PEJABAT HUTAN DAERAH
JOHOR SELATAN



Dari kiri barisan pertama: Shamsul Bin Mohamad (Pegawai Renj Hutan, G29), Ahmad Meisery Bin Abd Hakim Amir (Pegawai Hutan Daerah, G41/G44), Zaiton Binti Abdullah@Mahmad (Pen. Pegawai Hutan Daerah, G32), Ad Nor Bin Wahab (Pegawai Renj Hutan, G29)

Dari kiri barisan kedua: Muhamad Faizul Bin Mahad (Pemandu Kenderaan, H11), Abdul Hasib Bin Zarak Khan (Pengawas Hutan, G19), Budiman Bin Mahat (Pengawas Hutan, G19), Khairunnisa Binti Mayang (Pembantu Awam, H11), Noor Amanina Binti Mohd Halmi (Pembantu Tadbir, N19), Habibah Binti Mohamed (Pembantu Tadbir Kanan, N22), Zuraidah Binti Ariffin (Pembantu Tadbir Kewangan W19), Fuaddah Binti Dahlan (Pengawas Hutan, G19), Noriziana Binti Mat Ropi (Pengawas Hutan, G19), Nurulhudda Binti Omar (Pengawas Hutan, G19), Sharifah Balqish Binti Syed Mohmad (Pengawas Hutan, G19), Siti Nurarbain Binti S.Hamid (Pengawas Hutan, G22), Mohd Fairuzeen Bin Yahya (Pengawas Hutan, G22), Hamizan Bin Hamzah (Pemandu Kenderaan, H11), Azmi Bin Zamri (Pemandu Kenderaan, H11),

Dari kiri barisan ketiga: Mohd Noristiqlal Bin Haron (Pembantu Operasi, N11), Maizan Bin Mohd Aris (Pengawas Hutan, G19), Azhar Bin Md Sani (Pengawas Hutan, G22), Nazarhan Bin Ali (Pengawas Hutan, G19), Suhimi Bin Ismail (Pengawas Hutan, G19), Zaidi Bin Sumain (Pengawas Hutan, G22), Abd Rahman Bin Abd Wahab (Pengawas Hutan, G19), Husin Bin Abdullah (Pengawas Hutan, G19), Norazmi Bin Udin (Pengawas Hutan, G19), Mohd Rashid Bin Hassan (Pengawas Hutan, G19), Muhamad Rithaudden Bin Rassid (Pengawas Hutan, G22), Hairoinizam Bin Abd Rahman (Pengawas Hutan, G22),

Dari kiri barisan keempat: Ahmad Afzanizam Bin Othman (Pengawas Hutan, G19), Nurul Ezwan Bin Nor Den (Pembantu Awam, H11), Muhammad Syakirin Bin Daiman @ Daman (Pengawas Hutan, G19), Abd Razak Bin Salim (Pengawas Hutan, G22), Tumiran Bin Muslan (Pengawas Hutan, G22), Khaiidil Bin Tahir (Pengawas Hutan, G19), Ahmad Najid Bin Mohd Yusoff (Pengawas Hutan, G19), Haminuddin Bin Muhamad (Pengawas Hutan, G19), A.Razak Bin Talib (Pengawas Hutan, G19), Ahmad Azrul Aminur Bin Othman (Pembantu Awam, H11), Azizi bin Suliman (Pembantu Awam, H11), Mohd Azlan Bin Idris (Pembantu Awam, H11), Tahrom Bin Karno (Pembantu Awam, H11), Arif Bin Nordin (Pembantu Awam, H11),

Dari kiri barisan kelima: Mohd Zulhelmi Bin Mohd Bakri (Pembantu Awam, H11), Azisyan Bin Abd Rahman (Pengawas Hutan, G22), Hishamuddin Bin Mohamed Salleh (Pembantu Awam, H11), Rozaikee Bin Mariah (Pembantu Awam, H11)

Tiada dalam gambar: Azamuddin bin Kassan (Pegawai Renj Hutan, G29)

PEJABAT HUTAN DAERAH
JOHOR SELATAN

UNIT PENTADBIRAN



Dari kiri: Mohd Noristiqlal Bin Haron (Pembantu Operasi, N11), Noor Amanina Binti Mohd Halmi (Pembantu Tadbir, N19), Habibah Binti Mohamed (Pembantu Tadbir Kanan, N22), Ahmad Meisery Bin Abd Hakim Amir (Pegawai Hutan Daerah, G41/G44), Zaiton Binti Abdullah@Mahmad (Pen. Pegawai Hutan Daerah, G32), Zuraidah Binti Ariffin (Pembantu Tadbir Kewangan, W19), Khairunnisa Binti Mayang (Pembantu Awam, H11), Hamizan Bin Hamzah (Pemandu Kenderaan, H11)

UNIT TINDAKAN KHAS



Dari kiri barisan pertama: Azhar Bin Md Sani (Pengawas Hutan, G22), Ahmad Meisery Bin Abd Hakim (Pegawai Hutan Daerah, G41/G44)

Dari kiri barisan kedua: Mohd Fairuzeen Bin Yahya (Pengawas Hutan, G22), Zaiton Binti Abdullah@Mahmad (Pen. Pegawai Hutan Daerah, G32)

Dari kiri barisan ketiga: Fuaddah Binti Dahlan (Pengawas Hutan, G19), Nurulhudda Binti Omar (Pengawas Hutan, G19), Ahmad Afzanizam Bin Othman (Pengawas Hutan, G19)

Dari kiri barisan keempat: Noriziana Binti Mat Ropi (Pengawas Hutan, G19), Muhamad Faizul Bin Mahad (Pemandu Kenderaan, H11)

PEJABAT HUTAN DAERAH
JOHOR SELATAN



PEJABAT RENJ HUTAN JOHOR BAHRU

Dari kiri: Nazarhan Bin Ali (Pengawas Hutan, G19), Zaidi Bin Sumain (Pengawas Hutan, G22), Shamsul Bin Mohamad (Pegawai Renj Hutan, G29), Suhimi Bin Ismail (Pengawas Hutan, G19)



PEJABAT SUB RENJ HUTAN KONG KONG

Dari kiri: Azisyan Bin Abd Rahman (Pengawas Hutan, G22), Haminuddin Bin Muhamad (Pengawas Hutan, G19), Shamsul Bin Mohamad (Pegawai Renj Hutan, G29), Sharifah Balqish Binti Syed Mohmad (Pengawas Hutan, G19), Abdul Hasib Bin Zarak Khan (Pengawas Hutan, G19)



PEJABAT RENJ HUTAN GELANG PATAH/BENUT

Dari kiri: Maizan Bin Mohd Aris (Pengawas Hutan, G19), Muhammad Syakirin Bin Daiman @ Daman (Pengawas Hutan, G19), Budiman Bin Mahat (Pengawas Hutan, G19), Ad Nor Bin Wahab (Pegawai Renj Hutan, G29), Siti Nurarbain Binti S.Hamid (Pengawas Hutan, G22), Hairoinizam Bin Abd Rahman (Pengawas Hutan, G22), Mohd Zulhelmi Bin Mohd Bakri (Pembantu Awam, H11)

PEJABAT HUTAN DAERAH
JOHOR SELATAN



PEJABAT RENJ HUTAN KULAI

(viii) Pendakian Puncak 121 puncak
(ix) Ultimate Trail of the South (UTOS)
(x) Perasmian Sistem Amaran Awal Kepala Air (SAAKA) di TER Gunung Belumut, Kluang.

Bagi tahun 2023 ini pastinya akan mempunyai kisah dan peristiwa yang tersendiri. Cabaran yang datang mungkin berbeza daripada apa yang pernah kita alami. Oleh itu sama-samalah kita mendepaninya dengan kesungguhan, keberanian dan penuh semangat perpaduan. Segala kejayaan dan pencapaian tahun 2022, pastinya menjadi motivasi untuk menghadapi tahun 2023 ini.

Seperti tahun 2022, YBhg. Dato' menyatakan perancangan KPI Tahun 2023 yang meliputi sepuluh (10) Bidang Keberhasilan Utama (Key Result Area: KRA), iaitu:

(i) Pengurusan Hutan Secara Berkekalan;
(ii) Meningkatkan Luas Kawasan Berhutan dan Litupan Pokok;
(iii) Pengurusan Ladang Hutan;
(iv) Perolehan Biji Benih dan Pengurusan Bahan Tanaman;
(v) Pemeliharaan dan Pemuliharaan Kepelbagaian Biologi Hutan;
(vi) Ekopelancongan;
(vii) Perundangan dan Penguatkuasaan;
(viii) Pentadbiran Pejabat dan Kewangan; dan
(ix) Keselamatan Pejabat.

Dalam ucapan penutup, YBhg. Dato' mengulangi kata-kata YBhg. Dato' Indera Mohd. Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dalam Perutusan Tahun Baharu 2023 antaranya, Beliau mengajak semua warga JPSM terus beristiqamah dan beriltizam untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik dengan lebih cemerlang. Selain itu kita perlu melaksanakan perubahan melalui perubahan minda dan tingkah laku serta cara bekerja yang baharu. Kita semua perlu berani berubah, ke arah yang lebih baik dan meletakkan integriti sebagai tonggak utama dalam perubahan yang kita ingin capai.

Majlis diakhiri dengan pemberian cenderahati kepada En. Ambok Al-Alattas bin Adil selaku wakil rasmi Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Johor di atas kesudian beliau hadir pada majlis ini.





ARTIKEL 2

PROGRAM ORANG MUDA JOHOR (OMJ) @ PEAK HUNTERS 2023
ANJURAN PUSAT PEMBANGUNAN BELIA NEGERI JOHOR (JOYDEC)

Disediakan oleh:
Encik Razis bin Osman
Pegawai Hutan Daerah, Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah, Kluang



KLUANG, 25 Februari 2023 – Program Orang Muda Johor (OMJ) @ Peak Hunters 2023 anjuran Pusat Pembangunan Belia Negeri Johor (Joydec) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) dan Malim Gunung Perhutanan Johor (MGPJ).

Pusat Pembangunan Belia Negeri Johor (Joydec) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) dan Malim Gunung Perhutanan Johor (MGPJ) telah menganjurkan Program OMJ @ Peak Hunters 2023 yang melibatkan lima 5 lokasi pendakian di sekitar negeri Johor.

Sesi flag-off bagi program ini telah dilancarkan di Taman Eko Rimba (TER) Gunung Belumut, Kluang oleh YBhg. Dato' On Bin Jaafar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Sukan Belia & Sukarelawan). Turut hadir YBhg Dato' Salim Bin Aman, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan YBhg. Haji Ts. Mohd Ekmaluddin Bin Dato' Ishak, Pengarah Majlis Sukan Negeri Johor.





Sebanyak 5 lokasi pendakian yang terlibat bagi program ini iaitu Gunung Belumut, (Kluang), Gunung Banang (Batu Pahat), Gunung Panti (Kota Tinggi), Gunung Muntahak (Kota Tinggi) dan Gunung Arong (Mersing). Program ini melibatkan sasaran peserta seramai 500 orang terdiri dari kalangan belia (18 hingga 35 tahun) dari setiap daerah dalam negeri Johor dan 55 orang Malim Gunung Perhutanan Johor (MGPJ).

Objektif Program OMJ adalah memberikan pendedahan kepada para belia berkenaan aktiviti-aktiviti rekreasi yang boleh dijalankan di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) disamping menikmati flora, fauna dan keindahan alam semulajadi terdapat dalam negeri Johor. Jabatan Perhutanan Negeri Johor mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat.

ARTIKEL 3

جابتن فرهوتن نگري جوهر
JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

PROGRAM JOHOR EXPEDITION DAYHIKE 2.0 2023 (JED 2023)

Disediakan oleh:
Encik Mohd Iqbhal Hisham Bin Sazali
Penolong Pemelihara Hutan, Seksyen Hutan Lipur dan Ekopelancongan

JOHOR, 18 Mac 2023 – Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) dengan kerjasama Isrec Adventure, Persatuan Malim Gunung Perhutanan Johor - PMGPJ dan Tourism Johor telah menganjurkan program Johor Expedition Dayhike 2.0 2023 (JED 2023) bagi meraikan Hari Hutan Antarabangsa (International Day of Forests) pada 21 Mac setiap tahun dan menyahut cabaran Forestry Hiking Day. JED 2023 bertujuan mempromosikan sektor ekopelancongan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) disamping membina kecergasan fizikal dan mental yang sihat dikalangan peserta.

Pelepasan peserta (flag-off) pendakian oleh YBhg Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor, YBrs Encik Ezazul Firdaus bin Hj. Ahmad Jamal, Ketua Jabatan Landskap, Majlis Perbandaran Kulai dan YBrs Encik Yusuf Hasni Bin Montalib, Presiden Kelab Sukan Ekstream Isrec Adventure diadakan di Taman Eko Rimba (TER) Gunung Pulai 1, Kulai dengan kehadiran peserta 474 orang. Keseluruhan peserta bagi program ini seramai 1,134 peserta yang melibatkan 16 puncak gunung dan bukit di dalam Negeri Johor. Program ini turut dihadiri oleh pegawai-pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Johor. Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Program JED 2023.













ARTIKEL 4

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DAN ANUGERAH APRESIASI PESARA JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR TAHUN 2022

Disediakan oleh:
Encik Mohammad Sapri bin Mansor
Penolong Pegawai Tadbir, Seksyen Pentadbiran dan Kewangan



JOHOR BAHRU, 19 Mac 2023 - Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah menganjurkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2022. Seramai 26 kakitangan JPNJ menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), seorang kakitangan menerima Anugerah Khas Pengarah dan 10 kakitangan menerima Anugerah pengarah yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Salim Bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor. Penghargaan juga turut diberikan kepada 7 orang pesara tahun 2022 dan 2023. Majlis ini bertujuan bagi memberi penghargaan kepada penerima anugerah yang telah memberikan sumbangan cemerlang dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan awam di Negeri Johor.





ARTIKEL 5

جابتن ڤرهوتنن نݢري جوهر
JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

SEMINAR EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN, HUTAN SIMPAN PANTI, KOTA TINGGI, JOHOR

Disediakan oleh:
Puan Nurul Izati binti Wagimin
Penolong Pemelihara Hutan, Seksyen Perancangan dan Pengurusan

KOTA TINGGI, Mei 2023 – Satu seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan, Hutan Simpan Panti, Kota Tinggi, Johor telah diadakan di KSL Hotel dan Resort, Johor Bahru pada 9 hingga 11 Mei 2023. Seminar telah dirasmikan oleh YB Tuan Raven Kumar A/L Krishnasamy (Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan Dan Budaya Negeri Johor). Surat Kerjasama "Letter of Collaboration" (LoC) bagi jalinan kerjasama antara Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam bidang penyelidikan berkaitan konservasi, pembangunan dan pengurusan sumber hutan di Negeri Johor turut ditandatangani ketika majlis perasmian ekspedisi ini.

Seminar ini telah melibatkan penyertaan seramai 43 pembentang daripada pelbagai agensi, institusi pengajian tinggi dan badan bukan kerajaan (NGO) seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), University of Nottingham Malaysia, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Jabatan Kimia, Malaysian Nature Society (MNS) dan Eco Explorers Malaysia.

Seminar ini bertujuan untuk mengumpul dan mendokumentasikan hasil kajian dan serta membentangkan resolusi hala tuju Hutan Simpan Panti, Kota Tinggi bagi memastikan flora fauna serta kawasan biodiversiti terhadap pemeliharaan dan perlindungan kepelbagaian biologi.

Menerusi ekspedisi yang telah dijalankan di Hutan Simpan Panti, Kota Tinggi sebanyak 427 spesies tumbuhan berbunga telah direkodkan termasuklah 13 spesies yang endemik di Semenanjung Malaysia seperti Simpoh Putih (*Dillenia albiflos*) dan Meranti Pasir (*Parashorea densiflora*). Ekspedisi ini juga berjaya merakam kehadiran beberapa spesies mamalia yang unik seperti spesies Lutong Cenekah (*Presbytis femoralis*) dan beberapa spesies kucing liar yang sangat terancam (*Critically endangered*). Hutan Simpan Panti yang terkenal dengan Suaka Burung Panti di dalam kalangan pencinta burung juga merupakan habitat kepada ratusan spesies burung termasuk beberapa spesies yang unik seperti Kuang Raya (*Argusianus argus*), Bayan Puling (*Psittinus cyanurus*) dan Cenok Kecil (*Phaenicophaeus sumatranus*).

Selain itu, senarai semak pertama bagi kumpulan Arachnida iaitu labah-labah dan tarantula juga telah berjaya direkodkan iaitu dengan penemuan 49 spesies Arachnida yang terdiri daripada keluarga Araneae, Scorpiones, dan Opiliones, seperti Malaysian Blue Femur (*Psednocnemis brachyramosa*). Selain itu, pepatung dan pepatung jarum (*Odonata*) daripada 25 genera dan 10 famili telah berjaya direkodkan dengan 12 spesies adalah rekod spesies baharu untuk Hutan Simpan Panti. Kekayaan spesies pepatung ini menunjukkan kualiti air di dalam Hutan Simpan Panti yang masih tinggi dan ini terbukti dengan kehadiran sebanyak 49 spesies ikan air tawar antaranya ialah Ikan Tebal Sisik Johor (*Barbodes dunckerii*) yang sangat terancam dan endemik di negeri Johor.







ARTIKEL 6

LAWATAN KERJA HUTAN PAYA LAUT MATANG, TAIPING

Disediakan oleh:
Puan Noor Ain binti Abd Karim
Penolong Pengarah, Seksyen Industri dan Pengusahasilan



PERAK, 6 Jun 2023 - Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah melaksanakan lawatan kerja ke kawasan pengusahasilan paya laut di Matang, Perak pada 6 hingga 8 Jun 2023. Lawatan ini bertujuan untuk mempelajari sistem pengurusan hutan paya laut dan pengoperasian industri kayu bakau dan arang kayu di Hutan Paya Laut Matang yang telah mendapat pengiktirafan sebagai pengurusan hutan paya laut yang terbaik di dunia.

Lawatan kerja ini juga adalah sebahagian daripada cadangan Jabatan ini untuk menambah baik pengurusan industri kayu bakau dan arang kayu selaras dengan penyediaan Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut Negeri Johor bagi tahun 2021 - 2030.

Terima kasih kepada En Azni Rahman bin Wahid, Timbalan Pengarah Operasi, Jabatan Perhutanan Negeri Perak kerana telah sudi meluangkan masa menyambut kami di Kledang Saiong serta En Khairil bin Sarip telah memberi taklimat di Dewan Seminar Larut Matang. Kami juga berterima kasih pada PH Abu Bakar telah bersama kami sepanjang program di Eko Pelajaran Larut Matang.

Di samping itu, Jabatan ini merakam ribuan terima kasih kepada pengusaha-pengusaha syarikat tanur arang dan bakau bagi menjayakan program lawatan ini dalam membantu Jabatan mendapatkan input tambahan penambahbaikan di dalam Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut Negeri Johor.





ARTIKEL 7

PROGRAM KEMBARA MAHKOTA JOHOR (KMJ) 2023

Disediakan oleh:
Puan Asfaezzah bin Ab Karim
Penolong Pengarah, Seksyen Hutan Lipur dan Ekopelancongan

KLUANG, 06 Ogos 2023 – DYAM Mejar Jeneral Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor berangkat ke Taman Eko Rimba (TER) Sungai Teminggol, Kampung Sri Lukut, Kluang yang merupakan lokasi pertama dibawah seliaan Jabatan Perhutanan Negeri Johor. Berangkat sama, YAM Tunku Idris Iskandar Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor; YAM Tunku Abdul Rahman Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Panglima Johor; YAM Tunku Abu Bakar Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Putera Johor dan Dato' Dennis Muhammad Abdullah. DYAM Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim telah merasmikan Taman Eko Rimba (TER) Sungai Teminggol, Kluang bersama-sama penduduk setempat.

Seterusnya program Kembara Mahkota Johor (KMJ) diteruskan ke Taman Eko Rimba (TER) Sungai Bantang, Labis yang merupakan lokasi kedua telah dipilih dibawah seliaan Jabatan Perhutanan Negeri Johor. Di Taman Eko Rimba (TER) Sungai Bantang, program dimulakan dengan bacaan doa dan seterusnya DYAM Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim menyaksikan demonstrasi memanjat dan mengutip benih pokok Merbau, Intsia palembanica.

DYAM Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim telah melepaskan benih ikan kelah merah, Tor tambroides dan ikan tengas Neolissochilus hexagonolepis. Kemudiannya memberi makanan kepada anak ikan kelah yang terdapat di Taman Eko Rimba (TER) Sungai Bantang, Labis.





MUAR, 07 Ogos 2023 – Hutan Taman Negeri (HTN) Ayer Hitam Utara, Muar merupakan lokasi ketiga yang menjadi pilihan bagi program Kembara Mahkota Johor 2023. DYAM Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim yang julung kalinya memimpin KMJ 2023 turut dipersembahkan taklimat oleh YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor berkaitan pembentukan Hutan Paya Gambut yang menjadi habitat asal kepada ikan Betta, Habitat Orkid Permata "Black Jewel Orchid" dan Konservasi Hutan Paya Gambut. Turut serta memberikan taklimat Encik Zainudin bin Abd. Wahab, Pengarah Perikanan Negeri Johor berkaitan konservasi ikan Betta persephone dan juga oleh Encik Mohd Ilham Norhakim Bin Lokman iaitu "Citizen scientist".



Pada hentian kedua, DYAM Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim juga diberikan taklimat berkaitan spesis periuk kera "Nepenthes x sultan-ibrahimii" yang dinamakan bersempena DYMM Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar. Taklimat diberikan oleh Puan Siti Noratikah binti Mustafa, Pengurus Hutan Taman Negeri Ayer Hitam Utara mengenai spesis berkenaan. Nepenthes x sultan ibrahimii merupakan satu spesis pokok periuk kera varieti gergasi kacukan semulajadi antara spesis Nepenthes mirabilis dan Nepenthes rafflesiana yang ditemui di Hutan Taman Negeri Ayer Hitam Utara.



Jabatan Perhutanan Negeri Johor mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan Program Kembara Mahkota Johor (KMJ) 2023.



ARTIKEL 8

PROGRAM JOHOR MERDEKA HIKE 2023 (JMH 2023)

Disediakan oleh:
Encik Mohd Iqbhal Hisham Bin Sazali
Penolong Pemelihara Hutan, Seksyen Hutan Lipur dan Ekopelancongan



JOHOR, 31 Ogos 2023 - Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) dengan kerjasama Isrec Adventure dan Persatuan Malim Gunung Perhutanan Johor - PMGPJ telah menganjurkan Program Johor Merdeka Hike 2023 (JMH 2023). Sesi flag-off telah dilancarkan di Hutan Taman Negeri (HTN) Gunung Arong, Mersing oleh Encik Abd. Ramlizauyahhudin bin Mahli, Timbalan Pengarah (Pembangunan) Jabatan Perhutanan Negeri Johor.

Sebanyak lima (5) lokasi pendakian di sekitar negeri Johor sempena iaitu Gunung Arong (Mersing), Gunung Belumut, (Kluang), Gunung Bekok (Labis), Gunung Panti (Kota Tinggi) dan Gunung Pulai 1 (Kulai) dengan penglibatan peserta seramai 417 orang dan 42 Malim Gunung Perhutanan Johor. Objektif Program Johor Merdeka Hike 2023 ini adalah untuk menarik minat peserta dari pelbagai kaum untuk turut sama menghayati erti kemerdekaan di negara ini disamping menikmati flora, fauna dan keindahan alam semulajadi yang terdapat di dalam negeri Johor. Keunikan program pada kali ini adalah para peserta turut membawa Jalur Gemilang semasa pendakian dan bendera tersebut akan dikibarkan sejurus peserta tiba di puncak gunung.

Jabatan Perhutanan Negeri Johor mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program Johor Merdeka Hike 2023 (JMH 2023).



ARTIKEL 8

PROGRAM LARIAN DENAI HUTAN ULTIMATE TRAILS OF THE SOUTH, KOTA TINGGI (UTOS 2023)

Disediakan oleh:
Encik Mohd Iqbhal Hisham Bin Sazali
Penolong Pemelihara Hutan, Seksyen Hutan Lipur dan Ekopelancongan

KOTA TINGGI, 9 September 2023 – Pelepasan (flag-off) Larian Denai Hutan "Ultimate Trails of The South, Kota Tinggi (UTOS 2023)" telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri bagi kategori 70 km bermula pada jam 5:00 pagi seramai 12 peserta, 60 km pada jam 6:00 pagi seramai 34 peserta dan 15 km pada jam 10:00 pagi seramai 95 peserta. Manakala, flag-off bagi kategori 40 km melibatkan 57 peserta pada jam 8:00 pagi telah disempurnakan oleh YB Tuan Raven Kumar Krishnasamy, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya Negeri Johor.



Majlis penyampaian hadiah telah dijalankan pada jam 3:30 petang yang disempurnakan oleh YBhg Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor. Persembahan tarian tradisional zapin oleh Yayasan Warisan Johor kepada hadirin yang hadir telah diadakan sementara menunggu ketibaan peserta larian denai sampai ke garisan penamat sebelum upacara penyampaian hadiah berlangsung. Selingan tarian zapin ini bagi memperkenalkan budaya dan tarian Negeri Johor kepada peserta luar negara. Secara rasminya program UTOS 2023 melabuhkan tirainya pada 10 September 2023, jam 12:00 malam.



Semua peserta berjaya sampai dalam keadaan selamat seramai 206 peserta dengan jumlah 156 peserta yang berjaya menamatkan larian ke garisan penamat, 42 peserta (Did Not Finished - DNF) dan dan 8 peserta (Did Not Start - DNS).
Jabatan mengucapkan syabas dan tahniah kepada pemenang larian denai dan juga kepada semua peserta yang berani menyahut cabaran larian denai di Hutan Simpan Panti, Kota Tinggi ini.

Jabatan juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Datin Paduka Pegawai Daerah Kota Tinggi & Pejabat Daerah Kota Tinggi, Pentadbir Tanah Daerah Kota Tinggi, Yang DiPertua Majlis Daerah Kota Tinggi serta beberapa agensi Kerajaan peringkat Daerah Kota Tinggi iaitu Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Tinggi, @bom, Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah, Pejabat Kesihatan Daerah, Johor Elephant Sanctuary (JES), Angkatan Pertahanan Awam Kota Tinggi dan Yayasan Warisan Johor yang membantu dan memberikan sokongan penuh bagi menjayakan program larian UTOS 2023 ini. Turut hadir Penolong Penguasa Polis (ASP) Ibu Pejabat Kota Tinggi dan Pengurus Sumber Manusia Marrybrown. Program ini turut dibantu oleh Malim Gunung Perhutanan (MGP) Johor iaitu jurupandu pendakian denai hutan yang berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Johor.



Jabatan turut mengucapkan tahniah kepada penganjur, Southern Ultra Enterprise dan Endurance Nature Sdn Bhd (N8 Ultimate Trails of the South - UToS) atas penganjuran program larian denai yang berprestij ini. Diharapkan program dan kerjasama seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang agar Daerah Kota Tinggi ini dapat dipromosikan menjadi salah satu destinasi ekopelancongan popular bagi negeri Johor.

Jabatan Perhutanan Negeri Johor sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pemenang.



ARTIKEL 10

PAMERAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR SEMPENA TRAVEL MALAYSIA FAIR 2023 DI MARINA SQUARE, SINGAPURA

Disediakan oleh:
Encik Mohd Iqbhal Hisham Bin Sazali
Penolong Pemelihara Hutan, Seksyen Hutan Lipur dan Ekopelancongan

SINGAPURA, 6 hingga 8 Oktober 2023 - Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) telah dijemput oleh pihak JETCO - Johor Economic, Tourism and Cultural Office Singapore untuk turut sama menyertai pameran Travel Malaysia Fair 2023 di Marina Square, Singapura bagi mempromosikan produk ekopelancongan dibawah seliaan Jabatan Perhutanan Negeri Johor. Pameran ini juga turut disertai oleh Persatuan Malim Gunung Perhutanan Johor - PMGPJ dan Perbadanan Taman Negara Johor.

Pameran ini berterusan selama 3 hari bermula dari 6 hingga 8 Oktober 2023 dan telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Encik Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia (MOTAC) pada 7 Oktober 2023. Turut dihadiri oleh Tuan Yang Terutama Dato' Dr. Azhar Mohamad Mustafa, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura dan Yang Berhormat Loh Sze Yee Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor Negeri Perak.

Terima kasih diucapkan kepada pihak JETCO kerana kesudian menjemput JPNJ menyertai program ini. Orang ramai dijemput hadir untuk memeriahkan lagi pameran ini.









ARTIKEL 11

SHOWCASE PROJEK CENTRAL FOREST SPINE (CFS) PERINGKAT NEGERI JOHOR

Disediakan oleh:
Cik Nurul Hidayah binti Hadzuha
Penolong Pengarah, Seksyen Perancangan dan Pengurusan



JOHOR, 16 Oktober 2023 – Showcase Projek Central Forest Spine (CFS) Peringkat Negeri Johor telah diadakan di Opero Hotel Southkey, Johor Bahru dan telah dirasmikan oleh YB Tuan Raven Kumar Krishnasamy, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan Dan Budaya Negeri Johor. Program ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Zahari bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Perancangan) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), YBhg Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ), YBrs. TPr Dr. Alias bin Rameli, Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa (PLAN Malaysia) dan YBrs Dr Samsudin Musa, Pengurus Projek Improving Connectivity-Central Forest Spine (IC-CFS).

Atas dasar aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan ini, maka Jabatan Perhutanan Negeri Johor dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia melaksanakan Program Showcase Projek Central Forest Spine (CFS). Showcase bertujuan sebagai salah satu platform bagi agensi-agensi pelaksana dan pemegang taruh untuk berkongsi pengalaman dan usaha-usaha pemeliharaan serta pemuliharaan yang telah dilaksanakan dalam kawasan rangkaian ekologi CFS di negeri Johor. Seramai 11 pembentang dan 150 peserta dari pelbagai agensi peringkat Persekutuan, Negeri, Institut Pengajian Tinggi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dijemout untuk turut sama hadir ke program showcase ini.







Perasmian ini diteruskan dengan penyerahan Dokumen Rancangan Pengurusan CFS J-PL2: Hutan Simpan Panti - Hutan Simpan Ulu Sedili oleh YBhg Dato' Haji Zahari bin Ibrahim kepada YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy. Seterusnya, YBrs TPr Dr. Alias bin Rameli menyerahkan Dokumen Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022 kepada YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy.

Majlis Perasmian Memorandum Persefahaman (MoU) Pemeliharaan dan Pemuliharaan Hutan Paya Gambut dan Hutan Paya Laut dalam Hutan Simpanan Kekal Negeri Johor Darul Ta'zim antara Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) bersama Global Environment Centre (GEC) juga diteruskan dengan menandatangani memorandum persefahaman oleh YBhg Dato Haji Salim bin Aman dan YBrs Tuan Faizal Parish bin Abdullah, Pengarah Global Environment Centre yang bertujuan menjalankan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan Hutan Paya Gambut dan Hutan Paya Laut di Negeri Johor.

Jabatan Perhutanan Negeri Johor mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat.

ARTIKEL 12

جابتن ڤرهوتنن نݢري جوهر
JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

PROGRAM PENANAMAN 181,000 POKOK SEHARI SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2023

Disediakan oleh:
Tuan Haji Hazlan bin Alias
Penolong Pemelihara Hutan, Seksyen Silvikultur dan Perlindungan Hutan

JOHOR, 21 Oktober 2023 - Yang Berhormat Tuan Raven Kumar A/L Krishnasamy, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan Dan Budaya Negeri Johor telah merasmikan Malis Penutup Program Penanaman 181,000 Pokok Sehari dengan menanam pokok Bintangor Daun Karat (*Calophyllum rubiginosum*) pada tarikh 21 Oktober 2023 bertempat di Topiary Garden, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad, Iskandar Puteri bersempena dengan sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia (World Environment Day-WED). Turut dihadiri oleh YBhg. Tuan Haji Muzaldin bin Mohamed, Pegawai Daerah Johor Bahru, Pejabat Daerah Johor Bahru, YBhg Ir. Azren bin Khalil, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Johor, YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah, Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Encik Mohamad Nazrul Hafizi Ahmad Fauzi, wakil Malaysia Book Of Records dan pegawai-pegawai kanan.

Penganjuran program ini bertujuan menjadi medium bagi mempromosikan Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di negeri Johor, mengalakkan penduduk Negeri Johor menanam pokok bagi mencapai sasaran penanaman peringkat negeri Johor iaitu sebanyak 800,000 pokok setahun; dan pengiktirafan "The Largest Simultaneous Tree Planting Event" dalam Malaysia Book of Records.

Sebanyak 184,690 pokok telah berjaya ditanam pada hari ini yang melibatkan pelbagai spesies seperti spesies hutan bernilai tinggi seperti Merbau (*Instia palembanica*), Merawan (*Hopea spp.*), Keruing (*Dipterocarpus spp.*) dan Kapur (*Dryobalanops aromatica*); spesies ladang hutan seperti Sentang (*Azadirachta excelsa*), Getah (*Hevea brasiliensis*) dan Jati (*Tectona grandis*); spesies nadir seperti Sentul (*Sandoricum koetjape*), Petai (*Parkia speciosa*), dan Jering (*Archidendron jiringa*); dan spesies hiasan seperti pokok Salam (*Syzygium polyanthum*), Penaga Lilin (*Ceylon ironwood*), Rhu Pantai (*Casuarina equisetifolia*), Bintangor (*Calophyllum spp.*) dan Golden Penda (*Xanthostemon chrysanthus*). Program ini mendapat sambutan dan sokongan daripada pelbagai agensi dan turut melibatkan penglibatan daripada pelbagai lapisan masyarakat amat bertepatan dengan matlamat utama Program Penghijauan Malaysia iaitu untuk merakyatkan komitmen dan semangat pengekalan kawasan litupan hijau sebagai satu agenda nasional.

Sebanyak lebih tiga puluh (30) agensi Kerajaan terlibat dibawah seliaan sepuluh (10) Daerah di negeri Johor iaitu Pejabat Daerah Johor Bahru, Pejabat Daerah Pontian, Pejabat Daerah Kulai, Pejabat Daerah Kota Tinggi, Pejabat Daerah Kluang, Pejabat Daerah Batu Pahat, Pejabat Daerah Mersing, Pejabat Daerah Segamat, Pejabat Daerah Muar, Pejabat Daerah Tangkak, Jabatan Pertanian Negeri Johor, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Johor, Pertubuhan Peladang Negeri Johor, Ibu Pejabat Polis Daerah Iskandar Puteri, Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru dan Perbadanan Taman Negara Johor. Manakala, sektor swasta yang terlibat seperti FELDA Berhad Wilayah Johor Bahru, FELCRA Berhad Wilayah Johor, RISDA, MARA, Sunway Iskandar Iskandar Puteri, JBiotech Joho Muo Sdn Bhd dan Aramijaya Sdn Bhd.









ARTIKEL 13

PROGRAM LARIAN ARONG MAN CHALLENGE V2 2023

Disediakan oleh:
Encik Mohd Saman Bin Mohd Sanget
Penolong Pemelihara Hutan, Seksyen Hutan Lipur dan Ekopelancongan



MERSING, 28 Oktober 2023 – Program Larian Arong Man Challenge V2 2023, Mersing melibatkan larian iaitu sepanjang 15 km yang melibatkan 10 km larian dan 5 km pendakian yang mengandungi 5 halangan. Penyertaan terbuka kepada empat (4) kategori iaitu Lelaki Terbuka, Perempuan Terbuka, Lelaki Veteran Terbuka dan Perempuan Veteran Terbuka yang telah diadakan di Taman Eko Rimba (TER) Teluk Arong, Mersing.

Program ini merupakan program tahunan dan merupakan program pada kali kedua telah diadakan yang bertujuan menyediakan ruang beriadah untuk penggiat sukan larian terutamanya pelari di kawasan hutan serta bagi memupuk pengalaman gaya hidup sihat tanpa mengira umur, bangsa, agama dan warganegara.

Seramai 202 orang peserta telah mengesahkan penyertaan termasuk 188 orang peserta dari dalam negara dan 14 orang peserta dari negara Singapura. Menariknya, peserta yang berjaya menamatkan larian akan mendapat hadiah wang tunai dan piala.

Pada jam 7:30 pagi, YBhg Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor. telah menyempurnakan "flag-off" bagi larian tersebut. Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg Datin Anis Zuhani Binti Ahmad, Ketua Perhubungan Pelabur, Tabung Haji Plantations, YBrs Puan Noralan Binti Ab Rahman, Penolong Pegawai Tadbir, Tourism Johor, YBrs Puan Norhafiza Binti Shafie, Pembangunan Ekonomi, United Nations Development Programme (UNDP) Malaysia, Singapura dan Brunei Darulssalam, YBrs. Encik Ramlizauyahhudin Bin Mahli, Timbalan Pengarah (Pembangunan) Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan YBrs Encik Mohd Saman Bin Moh Sanget, Pegawai Hutan Daerah Johor Timur. Jabatan Perhutanan Negeri Johor berharap agar penganjuran program Arong Man Challenge V2 2023 di dalam hutan simpan Gunung Arong, Mersing ini sebagai satu inisiatif jabatan untuk menarik minat kepada pengunjung terhadap produk industri ekopelancongan jabatan yang ada di daerah Mersing.







ARTIKEL 14

OPERASI BERSEPADU PENGUATKUASAAN HUTAN BERASASKAN SMART PATROL, JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR, DI BAWAH PROJEK UNDP/GEF-GOM: IMPROVING CONNECTIVITY IN THE CENTRAL FOREST SPINE LANDSCAPE (IC-CFS)

Disediakan oleh:
Encik Sylvester Usah
Penolong Pengarah, Seksyen Risikan dan Penguatkuasaan

KOTA TINGGI, 30 Oktober 2023 – Telah berlangsung Operasi Bersepadu Penguatkuasaan Hutan Berasaskan Smart Patrol, Jabatan Perhutanan Negeri Johor, di bawah Projek UNDP/GEF-GOM: Improving Connectivity In The Central Forest Spine Landscape (IC-CFS) tahun 2023 yang dirasmikan oleh YBhg. Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan) selaku wakil rasmi YBhg. Dato' Indera KPPSM, serta menyempurnakan sesi flag-off OPS Smart Patrol. Operasi Bersepadu Penguatkuasaan Hutan Berasaskan Smart Patrol ini dijalankan selama 3 hari iaitu mulai 29 Oktober sehingga 1 November 2023 bertempat di Suaka Burung Panti, Kota Tinggi.



Kekuatan anggota seramai 40 orang yang melaksanakan Operasi Bersepadu Penguatkuasaan Hutan Berasaskan Smart Patrol ini terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Johor serta pihak-pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Johor. Perlaksanaan operasi secara serentak dan berasingan ke tiga (3) kawasan hutan simpan yang meliputi pentadbiran hutan daerah Johor Selatan, Johor Timur dan Johor Tengah.

Operasi bersepadu penguatkuasaan hutan berasaskan Smart Patrol ini adalah satu operasi yang julung-julung kalinya diadakan di Negeri Johor. Objektif operasi ini adalah untuk menggunakan Sistem Smart Patrol sebagai platform dalam membanteras dan mencegah aktiviti pencerobohan hutan, aktiviti pemburuan hidupan liar dan lain-lain kesalahan hutan melibatkan pelbagai jabatan/agensi pelaksana yang berkaitan.





Pada 1 November 2023 telah berlangsung sesi Majlis Penutupan Operasi Bersepadu Penguatkuasaan Hutan Berasaskan Smart Patrol, Jabatan Perhutanan Negeri Johor, di bawah Projek UNDP/GEF-GOM: Improving Connectivity In The Central Forest Spine Landscape (IC-CFS) tahun 2023 yang dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Rahim bin Rani, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Operasi dan Teknikal), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang berakhir bertempat di Suaka Burung Panti, Kota Tinggi.

Sesi penutupan Operasi Bersepadu Penguatkuasaan Hutan Berasaskan Smart Patrol ini turut dibentangkan input atau hasil penemuan sepanjang operasi dilaksanakan. Dalam hal ini, pelaksanaan operasi pada kali ini memberikan penekanan khusus pembangunan data model dalam sistem SMART dapat dipraktikkan secara terus kepada kakitangan jabatan di samping mendapatkan input tambahan daripada PERHILITAN dan PTNJ supaya dapat menambahbaik dan memperkukuhkan lagi aktiviti lapangan berseiring dengan cerapan data.

Sehubungan itu, Jabatan Perhutanan Negeri Johor merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) Johor, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Johor, Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ) dalam menjayakan Operasi Bersepadu Penguatkuasaan Hutan Berasaskan Smart Patrol, Jabatan Perhutanan Negeri Johor bagi membantukan Jabatan memperkukuhkan dan memperkasakan lagi operasi dan penguatkuasaan perhutanan. Di samping itu, jutaan penghargaan juga dan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan dalam menjayakan Operasi Bersepadu Penguatkuasaan Hutan Berasaskan Smart Patrol, Jabatan Perhutanan Negeri Johor pada kali ini.

ARTIKEL 15

ARTIKEL 15
PROGRAM *SOUTHERN PENINSULAR BIRD RACE* PANTI 2023

Disediakan oleh:
Encik Mohd Iqbhal Hisham Bin Sazali
Penolong Pemelihara Hutan, Seksyen Hutan Lipur dan Ekopelancongan

KOTA TINGGI, 3 hingga 5 November 2023 – Program Southern Peninsular Bird Race Panti 2023 merupakan program Bird Race yang pertama di adakan di Selatan Semenanjung Malaysia bagi mempopularkan Suaka Burung Panti sebagai salah satu destinasi ekopelancongan/Aviary Tourism untuk peminat burung dari dalam dan juga luar negara.

Aktiviti "flag-off" bagi pelepasan peserta-peserta yang menyertai pertandingan ini telah dilaksanakan tepat pada pukul 9.00 pagi, 4 November 2023 yang diketuai oleh En Abd Ramlizauyahhudin bin Mahli, Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan). Seramai 35 peserta daripada pelbagai agensi iaitu Pejabat Daerah Kota Tinggi, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor, PERHILITAN Negeri Johor, Perbadanan Taman Negara Johor, Akademi Pentadbir Johor, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Teknologi MARA Shah Alam dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah menyertai pertandingan ini. Pertandingan ini TELAH dijalankan selama 24 jam dan berakhir pada pukul 9.00 Pagi, 5 November 2023.

Pada 5 November 2023, Majlis Penutup program ini telah dirasmikan oleh YB Datin Panduka Hajah Hazlina binti Jalil, Pegawai Daerah Kota Tinggi, Johor. Dalam majlis ini juga, diadakan sesi penyampaian hadiah kepada pemenang bagi acara-acara yang dipertandingkan bagi program kali ini. Acara yang dipertandingkan adalah secara terbuka iaitu Bird Race dan Photo Race. Dalam acara Photo Race terdapat 2 kategori tambahan yang dipertandingkan iaitu Foto Paling Unik dan Foto Paling Cantik.







Jabatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pemenang. Bagi yang tidak berjaya dan tidak menang pada kali ini, jangan bersedih kerana memperolehi pengalaman semasa menyertai pertandingan ini serta dapat menimba ilmu yang sangat berharga. Jabatan juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua peserta diatas penyertaan pada program ini. Semoga berjumpa lagi di masa akan datang.





PROFIL PERHUTANAN

جابتن ڤرهوتنن نݢري جوهر
JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

PROFIL
PERHUTANAN

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

IBU PEJABAT
JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Pengarah Perhutanan Negeri
DATO' HAJI SALIM BIN AMAN
(salimaman@forestry.gov.my)

IBU PEJABAT PERHUTANAN NEGERI JOHOR
Tingkat 2,
Bangunan Dato' Mohamad Ibrahim Munsyi,
79660 Nusajaya, Johor Darul Ta'zim.

Tel : 07-266 7433
Fax : 07-266 1288



SUMBER HUTAN

1) Keluasan Tanah (ha)	**: 1,908,811.57**
2) Tanah Berhutan (ha)	**: 442,771.36**
3) Tanah Tidak Berhutan (ha)	**: 1,486,040.21**
4) Sumber Hutan	
a) Hutan Simpanan Kekal (ha)	**: 334,502.05**
b) Kawasan Ekopelancongan	
Taman Eko Rimba	**: 10**
Trek Pendakian	**: 21**
Trek Sukan Lasak	**: 6**
c) Hutan Taman Negeri	**: 2**
e) Industri Berasas Kayu	
Kilang Papan	**: 56 buah**
Kilang Papan Lapis/Venir	**: 8 buah**
Kilang Kayu Kumai	**: 6 buah**
Kilang Perabot/ Kilang Kerja Kayu	**: 152 buah**
5) Bilangan Pegawai dan Kakitangan	**: 356 orang**

PROFIL
PERHUTANAN

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR
DAERAH JOHOR SELATAN

Pegawai Hutan Daerah
AHMAD MEISERY BIN ABD HAKIM AMIR
(meisery@forestry.gov.my)

PEJABAT HUTAN DAERAH JOHOR SELATAN
JKR 35, Kompleks Bangunan Sultan Ibrahim,
Jalan Bukit Timbalan,
80000 Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim.

No Tel: 07-224 2211
Faks: 07-223 2112

Daerah Sivil :
Johor Bahru, Kota Tinggi, Kulai
dan Pontian

Renj Hutan :
Gelang Patah/Benut, Johor Bahru/Kong-kong,
Kota Tinggi/Ulu Sedili, dan Kulai



SUMBER HUTAN

1) Keluasan Tanah (ha)	**: 682,365.00**
2) Tanah Berhutan (ha)	**: 105,190.42**
3) Tanah Tidak Berhutan (ha)	**: 577,174.58**
4) Sumber Hutan	
a) Hutan Simpanan Kekal (ha)	**: 94,096.98**
b) Kawasan Ekopelancongan	
Taman Eko Rimba	**: 3**
Hutan Taman Negeri	**: -**
Trek Pendakian	**: 8**
Trek Sukan Lasak	**: 1**
c) Industri Berasas Kayu	
Kilang Papan	**: 12 buah**
Kilang Papan Lapis/Venir	**: 3 buah**
Kilang Kayu Kumai	**: 2 buah**
Kilang Perabot/ Kilang Kerja Kayu	**: 18 buah**
5) Bilangan Pegawai dan Kakitangan	
a) Jumlah Waran	**: 87 orang**
b) Pengisian	**: 68 orang**
c) Kekosongan	**: 19 orang**

PROFIL
PERHUTANAN

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR
DAERAH JOHOR TENGAH

Pegawai Hutan Daerah
RAZIS BIN OSMAN
(razis@forestry.gov.my)

PEJABAT HUTAN DAERAH JOHOR TENGAH
Jalan Pejabat Kerajaan 2,
86000 Kluang, Johor Darul Ta'zim.

Tel : 07-772 5944
Fax : 07-772 0844

Daerah Sivil :
Batu Pahat, Kluang, Sebahagian Daerah Kecil Labis

Renj Hutan :
Sembrong, Madek dan Batu Pahat/Yong Peng/Bekok





SUMBER HUTAN

1) Keluasan Tanah (ha)	**: 461,744.60**
2) Tanah Berhutan (ha)	**: 73,117.32**
3) Tanah Tidak Berhutan (ha)	**: 388,627.08**
4) Sumber Hutan	
a) Hutan Simpanan Kekal (ha)	**: 71,900.32**
b) Kawasan Ekopelancongan	
Taman Eko Rimba	**: 3**
Trek Pendakian	**: 9**
Trek Sukan Lasak	**: 1**
c) Industri Berasaskan Kayu	
Kilang Papan	**: 19 buah**
Kilang Papan Lapis/Venir	**: 2 buah**
Kilang Kayu Kumai	**: -**
Kilang Perabot/ Kilang Kerja Kayu	**: 77 buah**
5) Bilangan Pegawai dan Kakitangan	
a) Jumlah Waran	**: 84 orang**
b) Pengisian	**: 55 orang**
c) Kekosongan	**: 29 orang**

PROFIL
PERHUTANAN

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR
DAERAH JOHOR UTARA

Pegawai Hutan Daerah
HARIDYN BIN HANTI
(haridyn@forestry.gov.my)

PEJABAT HUTAN DAERAH JOHOR UTARA
Jalan Awang, 85000 Segamat,
Johor Darul Ta'zim.

Tel : 07 -931 2141
Fax : 07-931 7518

Daerah Sivil :
Daerah Kecil Labis, Muar, Segamat dan Tangkak

Renj Hutan :
Segamat, Labis dan Muar/Tangkak





SUMBER HUTAN

1) Keluasan Tanah (ha)	**: 455,055.00**
2) Tanah Berhutan (ha)	**: 81,650.93**
3) Tanah Tidak Berhutan (ha)	**: 373,404.07**
4) Sumber Hutan	
a) Hutan Simpanan Kekal (ha)	**: 67,499.96**
b) Kawasan Ekopelancongan	
Taman Eko Rimba	**: 2**
Hutan Taman Negeri	**: 1**
Trek Pendakian	**: 2**
Trek Sukan Lasak	**: 2**
c) Industri Berasas Kayu	
Kilang Papan	**: 23 buah**
Kilang Papan Lapis/Venir	**: 5 buah**
Kilang Kayu Kumai	**: 6 buah**
Kilang Perabot/ Kilang Kerja Kayu	**: 31 buah**
5) Bilangan Pegawai dan Kakitangan	
a) Jumlah Waran	**: 8 orang**
b) Pengisian	**: 64 orang**
c) Kekosongan	**: 23 orang**

PROFIL
PERHUTANAN

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR
DAERAH JOHOR TIMUR

Pegawai Hutan Daerah
MOHD SAMAN BIN MOHD SANGET
(saman@forestry.gov.my)

PEJABAT HUTAN DAERAH JOHOR TIMUR
Aras 3, Bangunan Kompleks Pejabat Kerajaan,
Jalan Ibrahim, 86800 Mersing, Johor Darul
Takzim.

Tel : 07-799 1033
Fax : 07-799 5352

Daerah Sivil :
Mersing

Renj Hutan :
Mersing, Emas, Endau, dan Lenggor/Tenggaroh





SUMBER HUTAN

1) Keluasan Tanah (ha)	**: 344,470.00**
2) Tanah Berhutan (ha)	**: 172,383.00**
3) Tanah Tidak Berhutan (ha)	**: 172,087.00**
4) Sumber Hutan	
a) Hutan Simpanan Kekal (ha)	**: 111,775.30**
b) Kawasan Ekopelancongan	
Taman Eko Rimba	**: 2**
Hutan Taman Negeri	**: 1**
Trek Pendakian	**: 2**
Trek Sukan Lasak	**: 2**
c) IIndustri Berasas Kayu	
Kilang Papan	**: 3 buah**
Kilang Papan Lapis/Venir	**: -**
Kilang Kayu Kumai	**: -**
Kilang Perabot/ Kilang Kerja Kayu	**: -**
5) Bilangan Pegawai dan Kakitangan	
a) Jumlah Waran	**: 82 orang**
b) Pengisian	**: 57 orang**
c) Kekosongan	**: 25 orang**



PERISTIWA PENTING 2023

جابتن ڤرهوتنن نݢري جوهر
JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA: KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK "HIJAUKAN BUMI: AZAM BERSAMA"

Tarikh: 1 Januari 2023
Tempat: Rizab Sungai Rimba Terjun, Pontian

Program ini telah dirasmikan oleh En Ahmad Azhar bin Ab Hamid, Penolong Pegawai Daerah Pontian sebagai wakil rasmi Pegawai Daerah Pontian. Turut hadir pada program ini YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor, Pn Fauziah Hamin Bt Naobi @ Atan, Jurutera Daerah JPS Pontian, Prof Madya LAr Dr. Sapura Bt Mohamad, Timbalan Dekan Fakulti Seni Bina & Ukur, UTM, LT KDR TLDM (Bersara) Haji Hanafiah Bin Jaafar, YDP Persatuan Veteran TLDM dan En. Mohd Hisham bin Hj Mazlan, Penghulu Mukim Rimba Terjun. Sebanyak 500 pokok bakau kurap, 250 pokok berus dan 250 pokok tengar menjadikan 1,000 pokok telah ditanam pada program ini melibatkan penyertaan daripada kakitangan dan pelajar UTM, Ahli Persatuan Veteran TLDM, Komuniti Mukim Rimba Terjun, Pontian dan Pengusaha Iwak at Ru (Iwak@Rhu).








PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

SESI KUNJUNG HORMAT DAN TAKLIMAT PERANCANGAN PEMBANGUNAN KAWASAN TAMAN-TAMAN EKO RIMBA SEBAGAI TARIKAN KEPADA PELANCONG

Tarikh: 4 Januari 2023
Tempat: Pejabat Menteri Besar Johor

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ), Dato' Haji Salim Aman telah melakukan sesi taklimat mengenai perancangan pembangunan kawasan Taman-Taman Eko Rimba sebagai tarikan kepada pelancong. Sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam pentadbiran dan pengurusan sumber hutan dan sektor perhutanan, JPNJ juga giat melaksanakan program-program pemeliharaan dan pemuliharaan hutan di negeri ini. Turut hadir ialah Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan), En. Abd. Ramlizauyahhudin Mahli, Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi), Tn. Haji Zulfakar Ali, Penolong Pengarah (Perancangan dan Pengurusan), Cik Nurul Hidayah Hadzuha dan Pegawai Hutan Daerah Johor Timur, En. Mohd Saman Mohd Sanget.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

MAJLIS AMANAT PENGARAH PERHUTANAN NEGERI JOHOR 2023 & MAJLIS MEMPERBAHARUI IKRAR TAHUN 2023 JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Tarikh: 8 Januari 2023
Tempat: Prime City Hotel, Kluang

Majlis Amanat Pengarah Perhutanan Negeri Johor serta Majlis Memperbaharui Ikrar Tahun 2023 telah diadakan di Prime City Hotel, Kluang. En. Ambok Al-Alattas bin Adil selaku wakil rasmi Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Johor turut hadir dalam menjayakan majlis ini. Dalam ucapan, YBhg. Dato' mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga Jabatan Perhutanan Negeri Johor yang telah memberikan komitmen yang tinggi di dalam menjayakan setiap agenda Jabatan sepanjang tahun 2022 serta menyatakan perancangan KPI Tahun 2023.













PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

LAWATAN KERJA JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR KE NEGERI JOHOR

Tarikh: 18 Januari 2023
Tempat: Kulai
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah membuat satu lawatan kerja ke Jabatan Perhutanan Negeri Johor pada 18 Januari 2023 yang diketuai oleh YBhg. Dato' Ahmad Fadzil bin Abdul Majid selaku Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Pegawai-pegawai Kanan dan Pegawai-pegawai Hutan Daerah Negeri Selangor. Lawatan kerja ini bertujuan untuk meninjau dan berkongsi maklumat berkenaan pengurusan kuari dalam Hutan Simpanan Kekal di Negeri Johor. Sesi taklimat berkaitan operasi pengkuarian juga telah disampaikan oleh Pegawai Hutan Daerah Johor Selatan serta wakil dari pengusaha kuari Bentara Gemilang Industries Sdn. Bhd. Seterusnya sesi lawatan ke tapak kuari Bentara Gemilang Industries Sdn. Bhd. diadakan bagi meninjau dan melihat sendiri pengurusan pengoperasian kuari di Negeri Johor.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA:
KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK PERINGKAT DAERAH KOTA TINGGI

Tarikh: 19 Januari 2023
Tempat: Kota Tinggi

Program ini telah di rasmikan oleh YB Datin Paduka Hajah Hazlina binti Jalil, Pegawai Daerah Kota Tinggi. Turut hadir bagi memeriahkan majlis perasmian ini ialah YBhg. Dato' Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor, YB Puan Hajah Rashidah binti Ismail, Adun Pasir Raja dan Encik Mohd Riduan Bin Md Ali, Pengarah Badan Kawalselia Air Negeri Johor (BAKAJ). Sebanyak 1000 pokok berjaya di tanam terdiri daripada spesies Balau Pasir, Merawan Siput Jantan dan Meranti Temak Nipis. Program ini melibatkan penyertaan seramai 250 orang, terdiri daripada kakitangan agensi-agensi di Peringkat Daerah Kota Tinggi, Komuniti Kampung, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Southern Volunteer, Petronas dan Malim Gunung Perhutanan (MGP) Negeri Johor.













PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PEMBENTANGAN AKHIR PELAN PENGURUSAN TAMAN EKO RIMBA (TER) SG. BANTANG DAN TER GUNUNG BELUMUT

Tarikh: 26 Januari 2023
Tempat: Kolej Pengajian Alam Bina (KAB), UiTM Shah Alam

Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah menghadiri Pembentangan Akhir Pelan Pengurusan Taman Eko Rimba (TER) Sg Bantang dan TER Gunung Belumut yang diadakan di Kolej Pengajian Alam Bina (KAB), UiTM Shah Alam. Sesi dimulakan dengan pembentangan Pelan Pengurusan TER SB dan TER GB oleh 6 kumpulan pelajar yang bertindak sebagai 'consultancy' dan seterusnya sesi penilaian poster. Turut hadir sesi ini ialah Puan Mardiana Salihah binti Marzuki (Pen. Pengarah Sumber Rekreasi 1, Bahagian Forest Eco Park dan Taman Negeri, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia) dan Prof TPr. Dr Jamalunlaili Abdullah (Penolong Naib Canselor, KAB, UiTM). Pelan Pengurusan yang dibentangkan ini adalah hasil daripada cerapan data di lapangan oleh kumpulan pelajar tersebut yang telah diadakan pada November 2022, di Taman Eko Rimba Sg Bantang, Labis dan Taman Eko Rimba Gunung Belumut, Kluang.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

LAWATAN KERJA DAN PERBINCANGAN INISIATIF PASARAN KARBON DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL DI NEGERI JOHOR BERSAMA MALAYSIA FOREST FUND

Tarikh: 26 Januari 2023
Tempat: Hutan Taman Negeri Ayer Hitam Utara, Muar

Satu sesi lawatan ke Hutan Taman Negeri Ayer Hitam Utara, Muar dan taklimat berkenaan Hutan Simpan Panti dan Hutan Simpan Kuala Sedili di Pejabat Renj Kota Tinggi sempena perbincangan inisiatif pasaran karbon dalam hutan simpanan kekal di negeri Johor bersama Malaysia Forest Fund telah diadakan. Perbincangan inisiatif pasaran karbon dalam hutan simpanan kekal di negeri Johor bersama MFF ini turut disertai oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPEN), Pejabat Kewangan Negeri dan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM). Rombongan daripada MFF telah diketuai oleh YBhg Datuk Haji Jeffri bin Abd. Rasid selaku Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Forest Fund dan turut disertai oleh Puan Suhaini binti Haron, Pengarah Kanan MFF dan Dr. Hamdan bin Omar, Pegawai Penyelidik daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PAMERAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR DI TAMAN NEGARA TANJUNG PIAI SEMPENA PROGRAM MANGROVE RUN 2023

Tarikh: 2 Februari 2023
Tempat: Taman Negara Tanjung Piai, Pontian

Booth Pameran Jabatan Perhutanan Negeri Johor di Taman Negara Tanjung Piai sempena Program Mangrove Run 2023 yang dianjurkan oleh Perbadanan Taman Negara Johor.















PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PAMERAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR DI SEKOLAH KEBANGSAAN SIMPANG 5 PEKAN TANGKAK SEMPENA HARI KOMERSIAL DAN PASARIA SK SIMPANG 5 PEKAN 2022/2023

Tarikh: 7 Februari 2023
Tempat: Sekolah Kebangsaan Simpang 5 Pekan Tangkak

Booth Pameran Jabatan Perhutanan Negeri Johor di Sekolah Kebangsaan Simpang 5 Pekan Tangkak Sempena Hari Tijari (Hari Komersial dan Pasaria) SK Simpang 5 Pekan 2022/2023.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

TAKLIMAT ANCAMAN MALARIA DAN KENCING TIKUS (LEPTOSPIROSIS) DI KAWASAN EKOPELANCONGAN DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL OLEH JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR

Tarikh: 12 Februari 2023
Tempat: Jabatan Perhutanan Negeri Johor

Taklimat ini adalah untuk memberi penerangan dan pemahaman kepada kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Malim Gunung Perhutanan Johor berkaitan ancaman Malaria dan Kencing Tikus di kawasan ekopelancongan di dalam Hutan Simpanan Kekal Negeri Johor. Turut hadir pada program ini ialah YBhg. Dato' Haji Salim Bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor, Dr. Shahril Azian bin Hj Masrom, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan Negeri Johor (Unit Leptospirosis), Dr. Hajah Hazlin binti Abu Bakar, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan Negeri Johor (Unit Vektor), Dr. Siti Umairah binti Muhadi, Pegawai Perubatan Jabatan Kesihatan Negeri Johor (Unit Vektor), Mr. Denesh a/l Suparmaniam (Protem), Malim Gunung Perhutanan Johor (MGPJ) serta Pegawai Kanan dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Johor.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

TAKLIMAT E-PEROLEHAN DAN SEBUTHARGA, JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Tarikh: 21 Februari 2023
Tempat: Hotel Amansari, Nusajaya

Taklimat ini adalah terbuka kepada kontraktor yang telah berdaftar dengan jabatan dan mempunyai Sijil Kontraktor Kerja Pembangunan Hutan. Jabatan ini berhasrat untuk memberikan pemahaman yang lebih baik berkaitan tatacara perolehan terutamanya sebut harga yang digunapakai sistem dan sedia ada (manual). Dalam pada itu, Jabatan juga mengikut pematuhan tatacara perbendaharaan semasa dengan menggunapakai melalui sistem ePerolahan.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

BENGKEL KERANGKA INISIATIF PEMBANGUNAN PASARAN KARBON DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL DI NEGERI JOHOR

Tarikh: 20 – 22 Februari 2023
Tempat: Thistle Hotel, Johor Bahru

Jabatan Perhutanan Negeri Johor dengan kerjasama Malaysia Forest Fund telah mengadakan Bengkel Inisiatif Pasaran Karbon dalam Hutan Simpanan Kekal di negeri Johor. Bengkel ini telah disertai oleh pegawai-pegawai kanan Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan turut serta adalah agensi-agensi Kerajaan dan swasta seperti Bahagian Perancang dan Ekonomi Negeri (BPEN), Pejabat Kewangan Negeri, Perbadanan Taman Negara Johor, Global Environment Centre (GEC) dan Iskandar Regional Development Authority (IRDA). Bengkel ini adalah bertujuan untuk mengumpulkan maklumat dan menyediakan mekanisme bagi inisiatif pasaran karbon dalam Hutan Simpanan Kekal di negeri Johor.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PROGRAM ORANG MUDA JOHOR (OMJ)@ PEAK HUNTERS 2023 ANJURAN PUSAT PEMBANGUNAN BELIA NEGERI JOHOR (JOYDEC) DENGAN KERJASAMA JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR (JPNJ) DAN MALIM GUNUNG PERHUTANAN (MGPJ)

Tarikh: 25 Februari 2023
Tempat: Taman Eko Rimba Gunung Berlumut, Kluang

Pusat Pembangunan Belia Negeri Johor (Joydec) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) dan Malim Gunung Perhutanan Johor (MGPJ) telah menganjurkan Program OMJ @ Peak Hunters 2023 yang melibatkan lima 5 lokasi pendakian di sekitar negeri Johor. Sesi flag-off bagi program ini telah dilancarkan di Taman Eko Rimba (TER) Gunung Belumut, Kluang oleh YBhg. Dato' Onn Bin Jaafar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Sukan Belia & Sukarelawan). Turut hadir YBhg. Dato' Salim Bin Aman, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan YBhg. Haji Ts. Mohd Ekmaluddin Bin Dato' Ishak, Pengarah Majlis Sukan Negeri Johor.













PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PERLAWANAN BOLA JARING PERSAHABATAN ANTARA JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR DAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN

Tarikh: 25 Feruari 2023
Tempat: EduCity Iskandar, Kota Iskandar

Perlawanan Persahabatan Bola Jaring antara Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA BERSAMA MALAYSIAN NATURE SOCIETY JOHOR (MNS JOHOR) SERTA PELAJAR SOUTHAMPTON UNIVERSITY DAN NEWCASTLE UNIVERSITY

Tarikh: 5 Mac 2023
Tempat: Mukim Rimba Terjun, Pontian

Program Penghijauan Malaysia bersama Malaysian Nature Society Johor (MNS Johor) serta pelajar Southampton University dan Newcastle University seramai 30 orang telah menanam pokok bakau kurap sebanyak 350 pokok di kawasan Mukim Rimba Terjun. Program ini merupakan inisiatif bersama pihak MNS, University dan Jabatan Perhutanan Negeri Johor dalam memupuk semangat cintakan alam dalam kalangan pelajar.













PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

LAWATAN OLEH ORSTED NATURE BASE SOLUTIONS BAGI TUJUAN EKSPLORASI KERJASAMA DALAM PEMBANGUNAN PROJEK KARBON HUTAN DI NEGERI JOHOR (HARI PERTAMA)

Tarikh: 12 Mac 2023
Tempat: Hutan Taman Negeri Ayer Hitam Utara, Muar

Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah menerima kunjungan daripada syarikat Orsted Nature Based Solutions iaitu sebuah syarikat tenaga dari Denmark yang berminat untuk mencari peluang kerjasama dalam pasaran karbon hutan di negeri Johor. Pihak Orsted telah di bawa melawat ke Hutan Taman Negeri Ayer Hitam Utara dan telah diberikan taklimat dan lawatan ke sekitar kawasan Hutan Paya Gambut serta menanam pokok di kawasan tersebut. Lawatan ini telah disertai Pegawai-pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Johor yang diketuai oleh YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor. Turut serta dalam lawatan ini adalah pegawai-pegawai daripada Malaysia Forest Fund yang diketuai oleh YBhg. Datuk Jeffri bin Abd Rasid, Ketua Pegawai Eksekutif MFF iaitu selaku agensi yang telah ditubuhkan di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.













PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

LAWATAN OLEH ORSTED NATURE BASED SOLUTINS BAGI TUJUAN EKSPLORASI KERJASAMA DALAM PEMBANGUNAN PROJEK KARBONHUTAN DI NEGERI JOHOR (HARI KEDUA)

Tarikh: 13 Mac 2023
Tempat: Hutan Simpan Gunung Arong

Lawatan pada hari kedua ini diteruskan dengan lawatan ke Hutan Simpan Gunung Arong, Hutan Simpan Sungai Santi dan Hutan Simpan Sungai Johor yang merupakan antara tapak cadangan yang berpotensi bagi pembangunan projek karbon di negeri Johor. Lawatan dimulakan dengan taklimat ringkas berkenaan HS Gunung Arong yang disampaikan oleh Pegawai Hutan Daerah Johor Timur, Encik Mohd Saman bin Mohd Sanget di Taman Eko Rimba Teluk Arong sebelum bergerak ke HS Gunung Arong, Mersing dan taklimat ringkas berkenaan Hutan Simpan Sungai Santi dan Hutan Simpan Sungai Johor telah disampaikan oleh Pegawai Hutan Daerah Johor Selatan, Encik Ahmad Meisery Bin Abdul Hakim Amir.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

KUNJUNGAN HORMAT OLEH ORSTED NATURE BASED SOLUTIONS KEPADA PENGERUSI JAWATANKUASA PELANCONGAN ALAM SEKITAR, WARISAN & BUDAYA NEGERI JOHOR

Tarikh: 14 Mac 2023
Tempat: Bilik Gerakan, Jabatan Perhutanan Negeri Johor

Kunjungan hormat ini bertujuan untuk membincangkan potensi kerjasama antara ketiga-tiga pihak iaitu Jabatan Perhutanan Negeri Johor, Malaysia Forest Fund dan Orsted bersama-sama kerajaan negeri bagi pembangunan projek karbon hutan di negeri Johor serta tindakan-tindakan yang perlu diambil selanjutnya.













PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

LAWATAN OLEH ORSTED NATURE BASED SOLUTIONSBAGI TUJUAN EKSPLORASI KERJASAMA DALAM PEMBANGUNAN PROJEK KARBON HUTAN DI NEGERI JOHOR (HARI KETIGA)

Tarikh: 14 Mac 2023
Tempat: Sungai Pulai dan Taman Negara Tanjung Piai, Pontian

Jabatan Perhutanan Negeri Johor dengan kerjasama Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ) telah meneruskan lawatan ke Hutan Simpan Sungai Pulai dan Taman Negara Tanjung Piai, Pontian. Diucapkan ribuan terima kasih kepada Pegawai Penyelidik (Pengurusan Taman) dari PTNJ iaitu Puan Lili binti Tokiman kerana telah mengiringi dan memberikan taklimat ringkas kepada kami berkenaan Taman Negara Tanjung Piai semasa lawatan ini juga ucapan ribuan terima kasih kepada Malaysian Forest Fund yang memainkan peranan utama dalam mencari potensi pasaran bagi sektor perhutanan melalui pasaran karbon kredit di negeri Johor dan wakil dari syarikat Orsted Nature Based Solutions iaitu Mr. Morten Pedersen dan Ms. Sophie Gladov kerana sudi membuat kunjungan ke negeri Johor.













PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PROGRAM JOHOR EXPEDITION DAYHIKE 2.0 2023 (JED 2023) DAN FORESTRY HIKING DAY

Tarikh: 18 Mac 2023
Tempat: Semua daerah di negeri Johor

Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) dengan kerjasama Isrec Adventure, Persatuan Malim Gunung Perhutanan Johor - PMGPJ dan Tourism Johor telah menganjurkan program Johor Expedition Dayhike 2.0 2023 (JED 2023) bagi meraikan Hari Hutan Antarabangsa (International Day of Forests) pada 21 Mac setiap tahun dan menyahut cabaran Forestry Hiking Day.













PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DAN ANUGERAH APRESIASI PESARA JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR TAHUN 2022

Tarikh: 19 Mac 2023
Tempat: Trove Hotel, Johor Bahru

Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah menganjurkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2022. Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Salim Bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor. Majlis ini bertujuan bagi memberi penghargaan kepada penerima anugerah yang telah memberikan sumbangan cemerlang dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan awam di Negeri Johor. Turut hadir sama En. Abd. Ramlizauyahhudin Bin Mahli, Timbalan Pengarah Pembangunan, Pegawai-Pegawai Hutan Daerah dan pegawai-pegawai kanan JPNJ.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PROGRAM PENANAMAN 10,000 POKOK *Eucalyptus pellita* SELARAS DENGAN PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA MELALUI KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK

Tarikh: 21 Mac 2023
Tempat: Ladang Hutan Aramijaya Agri & Agro Sdn Bhd, Ulu Sedili

Aramijaya Agri & Agro Sdn Bhd dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah mengadakan Program Penanaman 10,000 pokok Eucalyptus pellita selaras dengan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok. Tarikh ini dipilih bersempena dengan Sambutan Hari Hutan Antarabangsa yang disambut pada 21 Mac setiap tahun. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor. Turut hadir bersama Mr Lee Hun Kheng, Ketua Pegawai Eksekutif Aramijaya Agri & Agro Sdn Bhd. Program melibatkan sukarelawan daripada SK Taman Impian Emas, SMK Taman Impian Emas, Johor Bahru Happy & Joyous Club, Kelab Ihsan Johor, Malaysian Nature Society Johor Branch, RELA Daerah Kota Tinggi, Kolej Komuniti Kota Tinggi, Kolej Yayasan Pelajaran Johor dan Sukarelawan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Sebanyak 10,006 pokok telah ditanam menjadikan rekod terbaru dalam Malaysian Book of Record, Penanaman Pokok Eucalyptus Terbanyak.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

BENGKEL PEMURNIAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PEMANTAPAN MALIM GUNUNG PERHUTANAN JOHOR (MGPJ) SIRI 2

Tarikh: 10 – 11 April 2023
Tempat: Sunway Hotel Big Box, Iskandar Puteri

Bengkel ini telah disertai oleh pegawai-pegawai kanan Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ), pegawai Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Persatuan Malim Gunung Perhutanan Johor - PMGPJ. Bengkel ini bertujuan menghasilkan SOP yang konklusif serta sesuai dengan keadaan semasa bagi memastikan pemantauan dan pengurusan ekopelancongan dapat diuruskan secara efektif serta mengawal risiko berkaitan keselamatan pengunjung ketika menjalankan aktiviti ekopelancongan.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

MESYUARAT PENYELARASAN DAN POTENSI KERJASAMA DIANTARA JABATAN PERHILITAN DAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Tarikh: 17 April 2023
Tempat: Bilik Gerakan, Pejabat Daerah Kluang, Johor

Mesyuarat ini dipengerusikan secara bersama oleh YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Tuan Aminuddin bin Jamin, Pengarah Jabatan PERHILITAN Negeri Johor. Topik yang telah dibentangkan dan dibincangkan di dalam mesyuarat ini termasuklah Pelan Penubuhan Panti Conservation Area (PCA) dan pelaksanaan Sistem SMART-PATROL yang disampaikan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor. Seterusnya, pembentangan Laporan Pelaksanaan OBK sepanjang tahun 2022, Laporan Pelaksanaan BP3 VETOA (Renjer Komuniti) bagi tahun 2022, serta pembentangan Projek Pembinaan Halangan Fizikal Gajah (JES) turut disampaikan oleh Jabatan PERHILITAN Negeri Johor.









PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

MAJLIS PERASMIAN SEMINAR EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN, HUTAN SIMPAN PANTI, KOTA TINGGI, JOHOR

Tarikh: 9 Mei 2023
Tempat: KSL Hotel, Johor Bahru

Majlis Perasmian Seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan, Hutan Simpan Panti, Kota Tinggi, Johor telah dirasmikan oleh YB Tuan Raven Kumar A/L Krishnasamy (Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan Dan Budaya Negeri Johor). Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Salim bin Aman (Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Johor), YBhg. Prof. Dr. Shamsul bin Sahibuddin (Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Universiti Teknologi Malaysia (UTM)), YBrs. Encik Vincent Chow Kok Kow (Presiden Malaysian Nature Society (MNS)) dan YBhg. Prof. Dr. Mohd Shahir Shamsir bin Omar selaku Ketua Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan, Hutan Simpan Panti, Kota Tinggi, Johor daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia UTHM. Majlis ini diteruskan dengan menandatangani Surat Kerjasama "Letter of Collaboration" (LoC) bagi jalinan kerjasama antara Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam bidang penyelidikan berkaitan konservasi, pembangunan dan pengurusan sumber hutan di Negeri Johor.













PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

SEMINAR EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN, HUTAN SIMPAN PANTI, KOTA TINGGI, JOHOR (HARI KEDUA)

Tarikh: 10 Mei 2023
Tempat: KSL Hotel, Johor Bahru

Hari kedua Seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan, Hutan Simpan Panti telah melibatkan 3 sesi pembentangan dalam bidang Biologikal bagi Flora dan Fauna.















PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

SEMINAR EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN, HUTAN SIMPAN PANTI, KOTA TINGGI, JOHOR (HARI KETIGA)

Tarikh: 11 Mei 2023
Tempat: KSL Hotel, Johor Bahru

Hari ketiga dan sesi penutupan Seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan, Hutan Simpan Panti telah melibatkan satu sesi pembentangan bidang Biologikal bagi Flora.













PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

MESYUARAT PEMBUKAAN BAGI PELAKSANAAN AUDIT DALAMAN BERDASARKAN KEPERLUAN STANDARD MALAYSIAN CRITERIA AND INDICATORS FOR SUSTAINABLE FOREST MANAGEMENT (MC&I SFM) BAGI FMU JOHOR TAHUN 2023

Tarikh: 15 Mei 2023
Tempat: Bilik Gerakan, Jabatan Perhutanan Negeri Johor

Satu mesyuarat pembukaan Audit Dalaman MC&I SFM telah diadakan pada 15 Mei 2023 sempena kehadiran pasukan Audit Dalaman dari Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang akan melaksanakan Audit Dalaman berdasarkan Keperluan Standard Malaysian Criteria and Indicators for Sustainable Forest Management (MC&I SFM) Bagi FMU Johor Tahun 2023. Seramai 9 orang pasukan Audit Dalaman telah dilantik bagi melaksanakan Audit tersebut bermula pada 15 hingga 18 Mei 2023.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PAMERAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR DI RUANG LEGAR, SEGAMAT CENTRAL SHOPPING MALL SEMPENA PROGRAM LOCAL AGENDA 21 (LA21) INOVASI PENGURUSAN SISA & TENAGA DIPERBAHARUI (INNOVATION IN WASTE MANAGEMENT & RENEWABLE ENERGY) & MAJLIS PELANCARAN PELAN TINDAKAN MASYARAKAT RENDAH KARBON SEGAMAT 2030 (PTMRKS2030)

Tarikh: 3 – 4 Jun 2023
Tempat: Ruang Legar, Segamat Central Shopping Mall

Booth Pameran Jabatan Perhutanan Negeri Johor di Ruang Legar, Segamat Central Shopping Mall sempena Program Local Agenda 21 (LA21) Inovasi Pengurusan Sisa & Tenaga Diperbaharui (Innovation in Waste Management & Renewable Energy) & Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Masyarakat Rendah Karbon Segamat 2030 (PTMRKS2030) yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Segamat.













PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

KURSUS ECO-HOST KEPADA MALIM GUNUNG PERHUTANAN (MGP)

Tarikh: 7 Jun 2023
Tempat: Johor Bahru

Kursus Eco-Host kepada Malim Gunung Perhutanan telah dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Negeri Johor (MOTAC JOHOR) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) pada 7 Jun 2023. Pelaksanaan Kursus Eco-Host ini adalah bertujuan bagi memberikan pendedahan mengenai ekopelancongan mampan, memahami hubungan antara pelancong dan persekitaran serta kepentingan ekopelancongan dan tanggungjawab menjaga alam sekitar. JPNJ mengucapkan terima kasih kepada peserta MGP, MOTAC JOHOR dan semua yang terlibat.













PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

LAWATAN KERJA HUTAN PAYA LAUT MATANG, TAIPING

Tarikh: 6 – 8 Jun 2023
Tempat: Negeri Perak

Lawatan ini bertujuan untuk mempelajari sistem pengurusan hutan paya laut dan pengoperasian industri kayu bakau dan arang kayu di Hutan Paya Laut Matang yang telah mendapat pengiktirafan sebagai pengurusan hutan paya laut yang terbaik di dunia. Lawatan kerja ini juga adalah sebahagian daripada cadangan jabatan ini untuk menambah baik pengurusan industri kayu bakau dan arang kayu selaras dengan penyediaan Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut Negeri Johor bagi tahun 2021-2030. Terima kasih kepada En. Azni Rahman bin Wahid (TPO) kerana telah sudi meluangkan masa menyambut kami di Kledang Saiong serta En. Khairil bin Sarip telah memberi taklimat di Dewan Seminar Larut Matang.













PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PROGRAM PENANAMAN POKOK MYTREEVOLUTION ANJURAN KELAB KEJURUTERAAN AWAM DAN SEKRETARIAT YAYASAN KANSER TUNKU LAKSAMANA JOHOR, UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN (UTHM) DENGAN KERJASAMA JABATAN PERHUTANANAN NEGERI JOHOR

Tarikh: 10 Jun 2023
Tempat: Hutan Taman Negeri Ayer Hitam Utara, Muar

Program ini telah melibatkan seramai 30 orang pelajar UTHM yang diketuai oleh Dr Hazlinda, Pensyarah UTHM dan turut hadir bersama En. Haridyn bin Hanti, Pegawai Hutan Daerah Johor Utara selaku wakil Jabatan Perhutanan Negeri Johor. Sebanyak 100 anak pokok Salam (Syzygium polyanthum) telah ditanam bagi program ini dalam usaha menyemarakkan dan menyokong Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di Negeri Johor.













PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PROGRAM EXPLORATION & EXPERIENTIAL OF SEGAMAT

Tarikh: 11 Jun 2023
Tempat: Taman Eko Rimba (TER) Sungai Bantang, Segamat

Tourism Malaysia Wilayah Selatan - Johor telah menganjurkan Program Exploration & Experiential of Segamat di Taman Eko Rimba (TER) Sungai Bantang, Segamat. Program ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor, YBrs. Encik Muhamad Nasir bin Pahmi, Pengarah Tourism Malaysia Wilayah Selatan dan Puan Masrina Mohd Bakri, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Pakej, Ibu Pejabat Tourism Malaysia serta pegawai-pegawai kanan agensi. Antara objektif program bagi mempromosikan produk-produk alam semulajadi di sekitar daerah Labis dan Bekok dengan memfokuskan aktiviti eksplorasi alam semulajadi, merentas hutan dan mendaki bukit.













PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

LAWATAN KERJA KE SUAKA BURUNG PANTI, TREK PENDAKIAN BATU TENGGEK DAN PELEPAH KIRI, KOTA TINGGI OLEH YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY, PENGERUSI JAWATANKUASA PELANCONGAN, ALAM SEKITAR, WARISAN DAN BUDAYA NEGERI JOHOR

Tarikh: 13 Jun 2023
Tempat: Trek Pendakian Batu Tenggek dan Pelepah Kiri, Kota Tinggi

Lawatan Kerja ke Suaka Burung Panti, Trek Pendakian Batu Tenggek dan Pelepah Kiri, Kota Tinggi oleh YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan Dan Budaya Negeri Johor, turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Salim bin Aman, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Encik Mohamad Iskandar bin Omar, Setiausaha Sulit II YAB Menteri Besar Johor. Lawatan kerja ini bertujuan untuk meninjau dan mengetahui perkembangan semasa Suaka Burung Panti, Trek Pendakian Batu Tenggek dan Pelepah Kiri.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PENGAUDITAN PENGURUSAN HUTAN SECARA BERKEKALAN (MC&I SFM) OLEH JURUAUDIT DARIPADA SIRIM QAS SDN. BHD.

Tarikh: 19 – 22 Jun 2023
Tempat: Pejabat Daerah Kluang

Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah menjalankan pengauditan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (MC&I SFM) dan pengauditan tersebut telah dilaksanakan oleh juruaudit daripada SIRIM QAS Sdn. Bhd. Hasil daripada pengauditan tersebut JPN Johor telah memperolehi 0 ketaakuran. Tahniah kepada seluruh warga JPN Johor yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan pengauditan tersebut dan dapat mengekalkan pensijilan MC&I SFM 2023.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

TAKLIMAT PROGRAM-PROGRAM YANG BERKAITAN DENGAN ISU PERUBAHAN IKLIM DI JOHOR

Tarikh: 26 Jun 2023
Tempat: Taman Negara Tanjung Piai, Pontian

Pada 26 Jun 2023, Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah dijemput ke Taman Negara Johor Tanjung Piai untuk membuat pembentangan berkenaan Program-Program Yang Berkaitan Dengan Isu Perubahan Iklim di Johor. Pembentangan tersebut telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan), JPNJ iaitu Encik Abd. Ramlizauyahhudin bin Mahli kepada YB Raven Kumar a/l Krishnasamy, Exco Pelancongan & Alam Sekitar serta YB Datuk Seri Hasni Mohammad, Penasihat Ekonomi Negeri Johor. Turut hadir pada program ini ialah YBhg. Dato Haji Salim Bin Aman; Pengarah Perhutanan Negeri Johor, Cik Nurul Hidayah Hadzuha; Penolong Pengarah (Perancangan dan Pengurusan) serta pegawai-pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Johor.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

KURSUS PENGURUSAN TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN, JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Tarikh: 2 – 4 Julai 2023
Tempat: Amansari Residence Resort, Seri Alam, Pasir Gudang

Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah mengadakan Kursus Pengurusan Tatacara Perolehan Kerajaan di Amansari Residence Resort, Seri Alam. Seramai 53 orang yang terdiri dari pegawai pengurusan dan profesional serta kakitangan kumpulan sokongan telah hadir dengan jayanya.













PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PAMERAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR SEMPENA KARNIVAL PEMBUKAAN SEMULA AIR TERJUN GUNUNG LEDANG

Tarikh: 8 – 10 Julai 2023
Tempat: Gunung Ledang, Tangkak

Pada pameran kali ini, Jabatan telah dijemput untuk membuat pameran bagi mempromosikan produk ekopelancongan Jabatan Perhutanan Negeri Johor. Pameran ini berterusan selama 3 hari dan telah dirasmikan oleh YAB Datuk Onn Hafiz bin Dato' Ghazi, Menteri Besar Johor pada 9 Julai 2023.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PAMERAN PENGHIJAUAN MALAYSIA, KEMPEN 100 JUTA POKOK SEMPENA PROGRAM MELESTARIKAN ALAM SEKITAR "SELAMATKAN BUMI KITA"

Tarikh: 12 Julai 2023
Tempat: Daerah Segamat

Satu sesi taklimat dan perkongsian ilmu telah diadakan berkenaan Program Penghijauan Malaysia: Kempen 100 juta pokok kepada pelajar-pelajar dari sekolah sekitar Daerah Segamat serta program tanaman pokok sebagai usaha menyemai perasaan cintakan alam sekitar kepada generasi muda.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

MESYUARAT PELARASAN MAKLUMAT SUMBER HUTAN BAGI NEGERI JOHOR TAHUN 2023

Tarikh: 10 – 13 Julai 2023
Tempat: Melaka

Mesyuarat Pelarasan Maklumat Sumber Hutan bagi Negeri Johor untuk Tahun 2023 ini diadakan bertujuan untuk membincangkan Maklumat Sumber Hutan dan mengenalpasti kawasan berhutan lain yang berpotensi untuk diwartakan sebagai HSK. Hadir merasmikan mesyuarat adalah YBhg. Dato' Ahmad Fadzil bin Abdul Majid, Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Hutan bersama-sama YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor serta Encik Khirun Nizam bin Abdul Rahim, Pengarah Perhutanan Negeri Melaka.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PROGRAM SAMBUTAN HARI MALARIA SEDUNIA PERINGKAT NEGERI JOHOR 2023

Tarikh: 23 Julai 2023
Tempat: Gunung Pulai, Kulai

Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah menganjurkan Program Sambutan Hari Malaria Sedunia Peringkat Negeri Johor 2023 di Gunung Pulai, Kulai. Program ini dirasmikan oleh YBhg. Dr. Hj. Mohtar Bin Pungut @ Hj. Ahmad, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Johor, turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Hj. Salim bin Aman, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Johor, YBhg. Dr. Siti Khatijah Binti Abd Rahim, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, Bahagian Kesihatan Awam, YBhg. Tuan Azmi bin Ahmad, Ketua Penolong Pegawai Daerah Kulai dan YBhg. Tuan Mohd Fadhil bin Misnan, Ketua WHIP Majlis Perbandaran Kulai Antara pengisian aktiviti seperti Explorace Anorpheles telah diadakan di Taman Eko Rimba (TER) Gunung Pulai, perasmian papan tanda kesihatan berkenaan jangkitan malaria zoonotik, pameran berkaitan malaria dan vektor malaria dan pameran produk ekopelancongan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan Persatuan Malim Gunung Perhutanan Johor - PMGPJ serta agensi-agensi lain yang terlibat.









PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PROGRAM PENANAMAN POKOK HARI KONSERVASI EKOSISTEM HUTAN PAYA LAUT ANTARABANGSA PERINGKAT PEJABAT HUTAN DAERAH JOHOR SELATAN

Tarikh: 26 Julai 2023
Tempat: Sungai Pulai, Gelang Patah

Program penanaman pokok telah dijalankan oleh Pejabat Hutan Daerah Johor Selatan dalam usaha mencapai sasaran tanaman pokok melalui Program Penghijauan Malaysia menerusi Kempen Penanaman 100 Juta Pokok. Program penanaman turut disertai oleh kakitangan Seksyen Silvikultur dan Perlindungan, Jabatan Perhutanan Negeri Johor serta sukarelawan dari Ihsan Johor. Penanaman pokok bakau telah dijalankan di Tapak Ramsar Sungai Pulai dalam usaha pemuliharaan dan pemeliharaan ekosistem hutan paya laut.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

KURSUS PENGENDALIAN SENJATA API

Tarikh: 30 Julai 2023
Tempat: Lapang Sasar di Ladang Rem, Kota Tinggi

Kursus ini diadakan adalah sepertimana yang telah dirancang didalam POL Tahun 2023. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan lagi kefahaman dan kemahiran serta ilmu dalam pengendalian senjata api di kalangan kakitangan jabatan. Seramai 5 orang pegawai dari AMRA dan 3 orang pegawai polis dari IPD Iskandar Puteri iaitu Bahagian Pelesenan telah hadir membantu dalam melaksanakan kursus ini.















PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

LAWATAN YAB MENTERI BESAR JOHOR KE TAMAN EKO RIMBA GUNUNG PULAI, KULAI

Tarikh: 3 Ogos 2023
Tempat: Taman Eko Rimba Gunung Pulai, Kulai

Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor telah mengadakan lawatan ke Taman Eko Rimba (TER) Gunung Pulai, Kulai diiringi oleh Yang Berhormat Tuan Raven Kumar Krishnasamy, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan Dan Budaya Negeri Johor. Lawatan ini bertujuan meninjau keadaan infrastruktur dan fasiliti yang terdapat di dalam TER Gunung Pulai. Satu sesi taklimat ringkas telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Salim bin Aman, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan penerangan tentang Sistem Amaran Awal Kepala Air (SAAKA) oleh Dr. Mohd Rizaludin bin Mahmud, Pensyarah UTM. Turut dihadiri oleh Yang Berhormat Tuan Haji Zainor bin Adani, Pegawai Daerah Kulai, Tuan Haji Mohd Fahmi bin Salam, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor dan En.Muhammad Irsyaduddin bin Mahat, Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kulai.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

KEMBARA MAHKOTA JOHOR (KMJ) 2023 DI HUTAN TAMAN NEGERI AYER HITAM UTARA, MUAR

Tarikh: 7 Ogos 2023
Tempat: Hutan Taman Negeri Ayer Hitam Utara, Muar

DYAM Mejar Jeneral Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor yang julung kalinya memimpin KMJ 2023 turut dipersembahkan taklimat oleh YBhg Dato Haji Salim bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Johor berkaitan pembentukan Hutan Paya Gambut yang menjadi habitat asal kepada ikan Betta, Habitat Orkid Permata "Black Jewel Orchid" dan Konservasi Hutan Paya Gambut. Turut serta memberikan taklimat Encik Zainudin bin Abd. Wahab, Pengarah Perikanan Negeri Johor berkaitan konservasi ikan Betta persephone dan juga oleh Encik Mohd Ilham Norhakim bin Lokman iaitu "Citizen scientist". Pada hentian kedua, Tunku Mahkota Johor juga diberikan taklimat berkaitan spesis periuk kera "Nepenthes x sultan-ibrahimii" yang dinamakan bersempena DYMM Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar. Taklimat diberikan oleh Puan Siti Noratikah binti Mustafa, Pengurus Hutan Taman Negeri Ayer Hitam Utara mengenai spesis berkenaan. Berangkat sama, YAM Tunku Idris Iskandar Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor; YAM Tunku Abdul Rahman Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Panglima Johor; YAM Tunku Abu Bakar Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Putera Johor dan Dato' Dennis Muhammad Abdullah.













PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PROGRAM KEMPEN KARBON KREDIT DI HUTAN SIMPAN PANTI, KOTA TINGGI

Tarikh: 15 – 22 Ogos 2023
Tempat: Hutan Simpan Panti, Kota Tinggi

Jabatan Perhutanan Negeri Johor dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dibawah program Makmal Hidup UTM - JPNJ telah menganjurkan program ini yang bertujuan untuk perkongsian ilmu diantara kakitangan JPNJ dan pelajar serta staff UTM berkenaan kaedah dan teknologi yang digunakan dalam pengiraan karbon. Program yang melibatkan seramai 20 orang peserta dan staff daripada UTM dan 20 orang kakitangan JPNJ diadakan di Hutan Simpan Panti, Kota Tinggi. Aktiviti yang dilaksanakan melibatkan penubuhan plot 1 hektar di Petak Fenologi Hutan Simpan Panti, Kota Tinggi dan melibatkan kerja-kerja *Tree Identification, Tree Census, Tree Flowering, Drone Mapping* dan *Soil Sampling*.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PROGRAM PLOGGING SEMPENA KIBAR JALUR GEMILANG MALAYSIA MADANI

Tarikh: 20 Ogos 2023
Tempat: Taman Eko Rimba Gunung Pulai, Kulai

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kebersihan Awam (SWCorp) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ), Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) dan Jabatan Pertahanan Awam (APM) telah melaksanakan Program Plogging di Taman Eko Rimba (TER) Gunung Pulai 1, Kulai, sempena program Kibar Jalur Gemilang Malaysia Madani. Program ini telah dihadiri oleh Puan Rafidah binti Mohamed (Timbalan Pengarah (Pengurusan) SWCorp Negeri Johor), En Fazly bin Ahmadon (Pentadbir Cawangan SWM Kulai) dan 40 orang peserta dari agensi yang terlibat telah berjaya merekodkan kutipan sebanyak 12 kg sampah. Tujuan program ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan dalam meningkatkan kesedaran orang ramai berkaitan penjagaan kebersihan persekitaran.









PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

TAMAN EKO RIMBA SUNGAI BANTANG DIANUGERAHKAN ANUGERAH DESTINASI PELANCONGAN LESTARI JOHOR SEMPENA MAJESTIC JOHOR TOURISM AWARD 2023

Tarikh: 27 Ogos 2023
Tempat: Taman Eko Rimba Sungai Bantang, Labis

Taman Eko Rimba Sungai Bantang telah berjaya merangkul Anugerah Destinasi Pelancongan Lestari Johor 2023 pada Majlis Anugerah Pelancongan Negeri Johor 2023 (Majestic Johor Tourism Award) yang telah diadakan di Kingfisher Ballroom, Fraser Place Iskandar Puteri, Johor Bahru. Majlis ini telah dirasmikan bersekali dengan Perasmian Majestic Johor Festival 2023 oleh YB Tuan Raven Kumar Krishnasamy, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya Negeri Johor. Turut hadir mengiringi ialah YB Datuk Pandak Bin Ahmad, Ahli Dewan Undangan Negeri Johor Dun Kota Iskandar dan Tuan Haji Suhairi Bin Haji Hashim, Pengarah Tourism Johor. Kejayaan merangkul anugerah ini merupakan satu pengiktirafan kepada usaha Jabatan Perhutanan Negeri Johor dalam menjenamakan keindahan beberapa kawasan hutan di seluruh Negeri Johor sebagai Taman Eko Rimba untuk menjadi destinasi pelancongan domestik dan antarabangsa yang terkenal.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PEMBENTANGAN CADANGAN PROJEK PENYELIDIKAN BAGI TAMAN EKO RIMBA JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR DAN LAWATAN KE HUTAN SIMPAN PANTI, KOTA TINGGI

Tarikh: 30 Ogos 2023
Tempat: Hutan Simpan Panti, Kota Tinggi

Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) telah menerima kunjungan delegasi daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan para penyelidik daripada Tokyo Metropolitan University (TMU) pada 30 Ogos 2023 di Suaka Burung Panti, Kota Tinggi. Lawatan diadakan bagi membentangkan cadangan penyelidikan bagi Taman Eko Rimba dibawah seliaan Jabatan Perhutanan Negeri Johor serta lawatan ke Hutan Simpan Panti, Kota Tinggi. Sesi perbincangan telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato Haji Salim bin Aman, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Johor, delegasi UTM diketuai oleh Dr. Noordyana Hassan dan delegasi TMU diketuai oleh Prof Dr. Shinya Numata dan turut dihadiri oleh 7 orang penyelidik dan pelajar sarjana. Lawatan turut diadakan di dalam kawasan Hutan Simpan Panti, Kota Tinggi bagi memberikan gambaran kesesuaian lokasi kajian kepada para penyelidik.













PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PROGRAM JOHOR MERDEKA HIKE 2023 (JMH 2023)

Tarikh: 31 Ogos 2023
Tempat: Gunung Arong (Mersing), Gunung Belumut (Kluang), Gunung Bekok (Labis), Gunung Panti (Kota Tinggi) dan Gunung Pulai 1 (Kulai)

Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) dengan kerjasama Isrec Adventure dan Persatuan Malim Gunung Perhutanan Johor - PMGPJ telah menganjurkan Program Johor Merdeka Hike 2023 (JMH 2023). Sesi flag-off telah dilancarkan di Hutan Taman Negeri (HTN) Gunung Arong, Mersing oleh Encik Abd. Ramlizauyahhudin bin Mahli, Timbalan Pengarah (Pembangunan) Jabatan Perhutanan Negeri Johor. Sebanyak lima (5) lokasi pendakian di sekitar negeri Johor sempena iaitu Gunung Arong (Mersing), Gunung Belumut (Kluang), Gunung Bekok (Labis), Gunung Panti (Kota Tinggi) dan Gunung Pulai 1 (Kulai) dengan penglibatan peserta seramai 417 orang dan 42 Malim Gunung Perhutanan Johor. Keunikan program pada kali ini adalah para peserta turut membawa Jalur Gemilang semasa pendakian dan bendera tersebut akan dikibarkan sejurus peserta tiba di puncak gunung.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

ULTIMATE TRAILS OF THE SOUTH, KOTA TINGGI 2023 (UTOS 2023)

Tarikh: 9 September 2023
Tempat: Hutan Simpan Panti, Kota Tinggi

Program Larian Denai Hutan "Ultimate Trails of The South, Kota Tinggi (UTOS 2023)" melibatkan empat (4) jarak larian iaitu 15 km, 40 km, 60 km dan 70 km penyertaan terbuka kepada dua (2) kategori iaitu lelaki dan wanita telah diadakan di Suaka Burung Panti, Kota Tinggi. Program ini merupakan program tahunan dan kali ketiga telah diadakan yang bertujuan menyediakan ruang beriadah untuk penggiat sukan larian terutamanya pelari denai serta bagi memupuk pengalaman gaya hidup sihat tanpa mengira umur, bangsa, agama dan warganegara. Seramai 228 orang peserta telah mengesahkan penyertaan termasuk 68 orang peserta dari luar negara iaitu dari Singapura, Perancis, United Kingdom, Great Britain, China, Jerman, Hungary, Filipina, Australia, Finland, Indonesia, New Zealand dan Switzerland. Menariknya, peserta yang berjaya menamatkan larian akan mendapat mata tambahan (point) bagi melayakkan mereka ke acara larian denai yang berprestij iaitu Ultra Trail of Monc Blanc (UTMB) di Perancis.













PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU DI TAPAK RAMSAR SUNGAI PULAI

Tarikh: 14 September 2023
Tempat: Tapak Ramsar Sungai Pulai

Satu program penanaman pokok bakau telah berjaya dilaksanakan oleh Pejabat Hutan Daerah Johor Selatan dengan kerjasama Malaysian Nature Society (MNS) dan VALIRAM Group. Sebanyak 500 pokok bakau kurap telah ditanam di Tapak Ramsar Sungai Pulai bagi memulihara dan memelihara ekosistem Hutan Paya Laut di Negeri Johor. Program penanaman ini juga selaras dengan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang sedang berjalan sehingga 2025.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

MESYUARAT PENYELARASAN PAMERAN TRAVEL FAIR MALAYSIA 2023 DI SINGAPURA

Tarikh: 17 September 2023
Tempat: Bilik Gerakan, Jabatan Perhutanan Negeri Johor

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh En. Saifuddin bin Abdul Rahim, Ketua Pegawai Eksekutif (JETCO) bagi membincangkan pelaksanaan pameran bagi memberi peluang kepada JPNJ, PTNJ dan PMGPJ untuk mengetengahkan produk-produk ekopelancongan yang terdapat dalam Negeri Johor ke Singapura. Turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Haji Salim bin Aman, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Johor, En. Abd Ramlizauyahhudin bin Mahli, Timbalan Pengarah (Pembangunan), En. Abdul Aziz bin Mohd Top mewakili PTNJ dan En. Mohd Arfif bin Yusoff, Pengerusi PMGPJ.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PAMERAN SEMPENA PERKHEMAHAN JARINGAN KASIH SEKOLAH ORANG ASLI PUNAN DENGAN SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN LUAR BANDAR PERINGKAT NEGERI JOHOR

Tarikh: 17 September 2023
Tempat: Kluang

Pada program kali ini, JPNJ telah dijemput untuk memberikan taklimat berkenaan pengurusan hutan bagi Negeri Johor kepada 64 orang pelajar yang terdiri daripada 13 buah sekolah luar bandar di daerah Kluang. Pameran berkenaan pengurusan hutan dan ekopelancongan turut diadakan bagi menggalakkan generasi muda mencintai alam sekitar di samping mempromosikan produk ekopelancongan di negeri Johor. Program ini juga telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Seri Zainal Abidin bin Hj Ahmad, Pengerusi Koptani Malaysia dan YBhg. Datuk Md Jais Sarday, Pengerusi Yayasan Perbandaran Kluang.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

KURSUS "BACK-TO-BACK" PEMANTAPAN OPERASI SERBUAN DAN PENYEDIAAN KERTAS SIASATAN

Tarikh: 17 – 23 September 2023
Tempat: Prime City Hotel, Kluang

Kursus "back-to-back" pemantapan operasi serbuan dan penyediaan kertas siasatan, Jabatan Perhutanan Negeri Johor tahun 2023.















PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PROGRAM PENANAMAN POKOK DENGAN KERJASAMA KOPERASI MRSM BATU PAHAT BERHAD

Tarikh: 24 September 2023
Tempat: Batu Pahat

Satu program penanaman dengan kerjasama Koperasi MRSM Batu Pahat telah diadakan di Perkarangan MRSM Batu Pahat. Penanaman ini melibatkan seramai 100 orang murid dan guru serta kakitangan JPNJ. Sebanyak 300 pokok telah ditanam daripada spesies Merawan Siput Jantan, Kelat Paya dan Kelat Merah. Tujuan penanaman pada hari ini adalah usaha untuk menyemai semangat cintakan alam sekitar kepada pelajar-pelajar MRSM dan menyokong Program Penghijauan Malaysia.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

BENGKEL TERBITAN ISU KHAS THE MALAYSIA FORESTER (TMF)

Tarikh: 26 September 2023
Tempat: Fakulti Perhutanan Dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia

Tujuan bengkel ini adalah untuk menyelaras penyediaan kertas-kertas kerja hasil dapatan daripada Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Simpan Panti untuk diterbitkan dalam Jurnal The Malaysia Forester. Bengkel ini telah dipengerusikan oleh Jawatankuasa Editorial TMF iaitu Prof. Datin Dr Faridah Hanum Bin Ibrahim beserta Prof. Madya Dr. Puan Chong Leong dan Dr. Evelyn Lim Ai Lin. Turut serta dalam bengkel ini adalah Jawatankuasa Penerbitan TMF iaitu Puan Zulnaidah binti Manan, wakil daripada Jabatan Perhutanan Negeri Johor iaitu En Abd Ramlizauyahudin bin Mahli, Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan) bersama beberapa orang pegawai, wakil daripada Universiti Tun Hussein Onn, selaku Editorial bersama iaitu Dr. Aqilah Awg Abdul Rahman dan Dr. Salasiah Mohamad.









PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

KURSUS INSPEKTORATKESELAMATAN TERPERINGKAT DAN KURSUS PENGURUSAN PROFESIONALISME PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN

Tarikh: 27 September 2023
Tempat: Bangunan Sultan Ismail, Kota Iskandar

Kursus inspektorat keselamatan terperingkat dan kursus pengurusan profesionalisme pegawai keselamatan jabatan bagi Jabatan Perhutanan Negeri Johor.










PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

LAWATAN INTERNATIONAL FRENCH SCHOOL, SINGAPORE KE HUTAN SIMPAN PANTI

Tarikh: 27 & 28 September 2023
Tempat: Galeri Burung, Suaka Burung Panti, Kota Tinggi

Satu lawatan di bawah kelolaan Malaysian Nature Society (MNS) Johor dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah diadakan selama 2 hari di Hutan Simpan Panti, Kota Tinggi. Lawatan ini melibatkan pengenalan spesies pokok dan ikan di kawasan Sungai Padang, Panti dan lawatan ringkas ke Galeri Suaka Burung Panti untuk memberi pendedahan spesies-spesies burung yang terdapat di HS Panti. Lawatan ini melibatkan 40 orang pelajar sekolah rendah dan guru pada satu-satu hari dimana semua pelajar adalah berasal daripada France. Jabatan menyambut baik usaha kerjasama sebegini dalam usaha menaikkan nilai ekopelancongan di peringkat antarabangsa.











PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PROGRAM KHIDMAT SOSIAL KESATUAN SEKERJA (UNION SOCIAL RESPONSIBILITY–USR) DENGAN MENGADAKAN AKTIVITI 'PLOGGING'

Tarikh: 1 Oktober 2023
Tempat: Gunung Pulai, Kulai

Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) Johor dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) serta CUEPACS Negeri Johor telah mengadakan Program Khidmat Sosial Kesatuan Sekerja (Union Social Responsibility - USR) bagi peringkat Negeri Johor dengan menjalankan aktiviti amal mengutip sampah (plogging) dan aktiviti penanaman pokok di Taman Eko-Rimba Gunung Pulai 1, Kulai, Johor. Program kali ini terdiri daripada 27 Kesatuan Sekerja di bawah naungan CUEPACS Negeri Johor, seramai 136 peserta hadir bagi menjayakan progam ini. Tujuan program ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan dalam meningkatkan kesedaran ahli-ahli gabungan Kesatuan Sekerja berkaitan tanggungjawab penjagaan kebersihan persekitaran alam sekitar. Program ini telah dirasmikan oleh Encik Roslee Sabaruddin bin Abu, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Malaysia. Program ini turut dihadiri oleh Encik Mohamad Asri Bin Hashim, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Johor dan Encik S Syed Alwi bin Suleiman, Pegerusi CUEPACS Negeri Johor.








PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

LAWATAN NAZIRAN TAPAK SEMAIAN OLEH JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Tarikh: 2 – 5 Oktober 2023
Tempat: Tapak Semaian di Negeri Johor, Kota Tinggi

Satu lawatan naziran ke atas tapak semaian di negeri Johor telah di jalankan oleh Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Pasukan naziran diketuai oleh Encik Rizal bin Sabran (Ketua Seksyen Teknologi Bahan Tanaman), Puan Marlina binti Omar (Penolong Pengarah Perolehan Bahan Tanaman) dan Puan Noraini binti Ahmad (Pengawas Hutan). Tujuan naziran ini adalah untuk mengumpulkan maklumat dan data berkaitan keupayaan pengeluaran, kakitangan dan kemudahan di tapak semaian di negeri Johor sebagai langkah persediaan ke arah Pensijilan Bahan Tananaman Berkualiti. Naziran ini dilaksanakan ke atas dua (2) Tapak Semaian telah disemak iaitu di Tapak Semaian Kg. Gajah, Kluang yang membekalkan anak pokok spesies hutan dan Tapak Semaian Bukit Gambir, Muar yang membekalkan anak pokok spesies nadir dan landskap.









PERISTIWA PENTING
TAHUN 2023

PAMERAN SEMPENA TRAVEL MALAYSIA FAIR 2023 DI MARINA SQUARE, SINGAPURA

Tarikh: 6 – 8 Oktober 2023
Tempat: Marina Square, Singapura

